



# UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

CETAKAN SEMULA

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Mac 2013*

DICETAK DENGAN  
PERSETUJUAN RAJA PEMERINTAH MENURUT  
PERKARA 53A BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH  
KERAJAAN PAHANG

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Pertama kali diperkenalkan sebagai  
Bahagian Pertama Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Pahang . . . . . 1 Februari 1948

Kemudian Bahagian Kedua Undang-  
Undang Tubuh Kerajaan Pahang  
telah diperkenalkan . . . . . 7 Julai 1952

Bahagian Pertama Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Pahang dan  
Bahagian Kedua Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Pahang kemudiannya  
dimansuhkan dan digantikan dengan  
Undang-Undang Tubuh Kerajaan  
Pahang . . . . . 25 April 1959

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	. . . . .	1969
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	. . . . .	1972
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	. . . . .	1983
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	. . . . .	1998
<i>Cetakan Semula Yang Kelima</i>	. . . . .	2002
<i>Cetakan Semula Yang Keenam</i>	. . . . .	2008
<i>Cetakan Semula Yang Ketujuh</i>	. . . . .	2013

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

SUSUNAN PERKARA	5 - 10
BAHAGIAN PERTAMA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG	11 - 34
BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG	34 - 69
SENARAI PINDAAN	70 - 71
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	72 - 73

# UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

### SUSUNAN PERKARA

#### BAHAGIAN I

##### Perkara

1. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan

#### *Bab I – Raja Pemerintah*

2. Raja Pemerintah
3. Raja Pemerintah dan Waris-Waris Negeri yang akan menggantikannya hendaklah Melayu daripada darah raja dan hendaklah beragama Islam
4. Keturunan Sultan Haji Ahmad Shah
5. Keturunan Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad
6. Jika tiada keturunan Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad yang layak menjadi Raja Pemerintah
7. Memilih, melantik dan menabalkan Raja Pemerintah
8. Raja Pemerintah meninggalkan Negeri berlama-lamaan
9. Raja Pemerintah turun dari Takhta
10. Penamatan elaun Raja Pemerintah dalam hal-hal yang tertentu
11. Elaun Raja Pemerintah
12. Wakil Raja Pemerintah dalam Majlis Raja-Raja
- 12A. Isteri Raja Pemerintah

#### *Bab II – Jumaah Pemangku Raja*

13. Tugas-tugas diraja
14. Jumaah Pemangku Raja
15. Raja Pemerintah belum cukup umur
16. Keuzuran Raja Pemerintah

## Perkara

17. Kegeringan sedikit-sedikit dan meninggalkan Negeri
18. Raja Pemerintah menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong
19. Lantikan Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja

*Bab III – Waris Ganti*

20. Lantikan Waris Ganti
- 20A. Elaun untuk Waris Ganti dan isterinya
21. Waris Ganti meninggalkan Negeri, dilucutkan jawatan dan menyerahkan balik kuasa
22. Waris-Waris Ganti dan Kerabat-Kerabat Diraja tiada boleh mengganggu hal ehwal Negeri

*Bab IV – Agama Negeri*

23. Agama Negeri
24. Raja Pemerintah Ketua agama Negeri
- 24A. Majlis Adat Istiadat Negeri Pahang

*Bab V – Jumaah Pangkuan Diraja Negeri*

25. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan kehadiran dalam mesyuarat-mesyuarat itu
26. Cukup bilangan
27. Lebih suara
- 27A. Peraturan Tetap

*Bab VI – Pangkat-Pangkat Kemuliaan dan Aturan Adat Istiadat*

28. Raja Pemerintah sahaja yang menjadi punca kemuliaan
29. Hak Raja Pemerintah mengurniakan gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat kemuliaan
30. Taraf gelaran
- 30A. Taraf pangkat
31. Kuasa melucutkan gelaran

*Bab VII – Perkara-Perkara Am*

Perkara

32. Had-had kuasa Raja Pemerintah
33. Cogan kata Negeri, Panji-Panji dan Lambang Negeri
34. Pindaan Bahagian ini
35. Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan
36. Tafsiran

*Bab VIII – Pembatalan*

37. Pembatalan

*JADUAL*

BAHAGIAN II

1. Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan

*Bab 1 – Pemerintahan*

2. Kuasa pemerintahan
3. Lantikan Menteri Besar
4. Majlis Mesyuarat Kerajaan
5. Sumpah jawatan
6. Raja Pemerintah menjalankan kewajipan hendaklah mengikut nasihat
7. Cukup bilangan Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. Rayuan-rayuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan
9. Minit-minit mesyuarat
10. *(Dipotong)*
11. Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri
12. *(Dipotong)*
13. *(Dipotong)*
14. *(Dipotong)*

*Bab II – Kuasa Mengampuni*

Perkara

15. Kuasa mengampuni dan lain-lain

*Bab III – Kuasa Negeri*

16. Kuasa Negeri berkenaan dengan harta, kontrak-kontrak dan pendakwaan-pendakwaan

*Bab IV – Badan Perundangan*

17. Badan Perundangan Negeri
18. Ahli-ahli Dewan Negeri
19. Kelayakan ahli-ahli
20. Lucut kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri
21. Syarat-syarat menegah menjadi ahli dua kawasan pilihan raya
22. Natijah jika seorang ahli lucut kelayakan menjadi ahli dan tegahan menamakan calon dengan tiada persetujuannya
23. Ahli-ahli meletakkan jawatan
24. Seseorang ahli yang tiada hadir
25. Keputusan lucut kelayakan menjadi ahli
26. Memanggil mesyuarat Dewan Negeri, memberhentikan dan membubarkannya
27. Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri
28. Ahli-ahli mengangkat sumpah
29. Titah Diraja
30. Peraturan Dewan Negeri
31. Saraan ahli
32. Mengisytiharkan Rang Undang-Undang
33. Rang Undang-Undang Persendirian
34. Menjalankan kuasa undang-undang
35. Sekatan mengemukakan Rang Undang-Undang dan mencadangkan pindaan yang membabitkan cukai, perbelanjaan dan lain-lain
36. Perkataan-perkataan yang memperundangan
37. Cukup bilangan
38. Minit-minit mesyuarat
39. Keistimewaan-keistimewaan Dewan Negeri

*Bab V – Kewangan*

Perkara

40. Cukai tiada boleh dikenakan melainkan dengan kebenaran undang-undang
41. Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan bayarannya ke atas Kumpulan Wang Disatukan
42. Penyata kewangan tahunan
43. Rang Undang-Undang Perbekalan
44. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan berlebihan
45. Mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan

*Bab VI – Perkara Am*

46. Bahasa rasmi
47. Simpanan yang diuntukkan bagi orang Melayu berkenaan dengan jawatan-jawatan, permit-permit dan lain-lain
48. Layanan yang sama kepada pekerja-pekerja Negeri
49. Mohor Negeri
50. Ikrar sebagai ganti sumpah
51. Pindaan kepada Bahagian ini
52. Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan
53. Tafsiran
- 53A. Cetakan semula Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
- 53B. Teks sahih
54. Hak kedaulatan Raja Pemerintah dipelihara

*Bab VII – Syarat-Syarat Peralihan*

55. Syarat-syarat sementara berkenaan dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
56. Pemegang-pemegang yang ada sekarang bagi jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, akan terus memegang jawatan masing-masing



*Bab VIII – Pembatalan*

## Perkara

## 57. Pembatalan

*JADUAL-JADUAL:*

<i>Jadual Pertama</i>	—	Sumpah Jawatan
<i>Jadual Kedua</i>	—	Sumpah Rahsia
<i>Jadual Ketiga</i>	—	Keistimewaan-keistimewaan dan Kuasa-kuasa

## UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

### UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

ABU BAKAR

(MOHOR)

*(Tandatangan Raja Pemerintah)*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

DENGAN KURNIA ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA BAHAWA BETA SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN MU'AZZAM SHAH IBNI ALMARHUM ALMUKTASIM BILLAH SULTAN ABDULLAH, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Knight Grand Cross of the Most Distinguished Order of Saint Michael and Saint George, Sultan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Pahang dan segala Jajahan Takluknya:

BAHAWA BETA telah mengaku dalam suatu Perjanjian yang telah BETA perbuat dengan BAGINDA KING pada hari yang kedua puluh satu bulan Januari tahun 1948 (selepas daripada ini disebut "Perjanjian Pahang tahun 1948") yang BETA akan memerintah Negeri BETA, Negeri Pahang, dengan tertakluk kepada syarat-syarat suatu Undang-Undang Tubuh Kerajaan yang bertulis menurut Perjanjian yang tersebut itu dan juga menurut Perjanjian selanjutnya yang telah BETA perbuat dengan BAGINDA KING pada hari yang kedua puluh satu bulan Januari tahun 1948 (selepas daripada ini disebut "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948"):

DAN BAHAWA BETA telah bersetuju dalam Perjanjian Pahang tahun 1948 itu, iaitu Undang-Undang Tubuh Kerajaan yang bertulis tersebut itu hendaklah dikurnia dan diisytiharkan oleh BETA dengan seberapa segera yang boleh atau, jika BETA fikirkan baik, dengan secara Bahagian-Bahagian dari satu masa ke satu masa:

DAN BAHAWA mengikut pengakuan BETA dalam Perjanjian Pahang tahun 1948, BETA telah mengurnia dan mengisytiharkan pada hari pertama bulan Februari tahun 1948, Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang digelar dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Pahang" dengan mana BETA memberi kuasa dan melantik dua Majlis Mesyuarat

bagi menolong dan menasihatkan BETA dalam hal memerintah Negeri BETA, Negeri Pahang, iaitu sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan yang digelar dalam bahasa Inggeris "State Executive Council", dan sebuah Majlis Mesyuarat Negeri, yang digelar dalam bahasa Inggeris "Council of State", dan dengan ini juga BETA telah mengadakan syarat-syarat tambahan yang tertentu, bagi pemerintahan dan kebaikan Negeri BETA, Negeri Pahang:

DAN BAHAWA menurut pengakuan BETA yang tersebut itu, BETA telah mengurnia dan mengisytiharkan pada hari yang ketujuh bulan Julai tahun 1952, Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, digelar dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Pahang":

DAN BAHAWA dalam suatu Perjanjian yang telah diperbuat antara BAGINDA QUEEN dan DULI-DULI YANG MAHA MULIA Raja-Raja Negeri-Negeri Melayu pada hari yang kelima bulan Ogos tahun 1957 (selepas daripada ini disebut "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957") dan dengan Perjanjian ini maka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, telah dibatalkan, maka telah dipersetujukan iaitu mulai daripada hari yang ketiga puluh satu bulan Ogos tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh, hendaklah ditubuhkan, di bawah Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Persekutuan, sebuah Persekutuan baharu bagi Negeri-Negeri dengan dinamakan Persekutuan Tanah Melayu atau dalam bahasa Inggeris "the Federation of Malaya", mengandungi Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka:

DAN BAHAWA menurut syarat-syarat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957, dan syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan, BETA memikirkan adalah baik dikurnia dan diisytiharkan Bahagian-Bahagian I dan II Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang digelar dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Pahang", bagi menggantikan Bahagian-Bahagian II dan I Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang tersebut di atas:

OLEH YANG DEMIKIAN, BETA dengan hak-hak dan kuasa-kuasa BETA sebagai Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang dan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Negeri yang dimasyhurkan dengan ketetapan mesyuarat setelah dicadangkan dengan suatu usul oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada hari yang kedua puluh enam bulan Februari tahun 1959, MAKA DENGAN INI BETA DENGAN NAMA BETA,

dan bagi pihak BETA, dan bagi serta bagi pihak-pihak Waris-Waris Pengganti BETA MEMASYHUR DAN MEMERINTAHKAN sebagaimana yang berikut:

## BAHAGIAN I

### **Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan**

1. Perkara-Perkara yang terkandung di dalam Bahagian ini (selepas daripada ini disebut "Bahagian ini") adalah Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang akan digelar dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Pahang" dan mestilah difahamkan dengan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan, dan akan berjalan kuat kuasanya mulai daripada tarikh dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang terakhir.

### *Bab I - Raja Pemerintah*

#### **Raja Pemerintah**

2. Raja Pemerintah ialah punca Keadilan dan bagi segala kuasa Kerajaan dalam Negeri dan di segala jajahan takluknya dan, dengan sebab itu, adalah mercu bagi semua gelaran-gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran dan kurniaan-kurniaan dalam Negeri dan Kerajaannya.

**Raja Pemerintah dan Waris-Waris Negeri yang akan menggantikannya hendaklah Melayu daripada darah raja dan hendaklah beragama Islam**

3. Melainkan sebagaimana yang dikecualikan dalam Fasal (2) ~~Perkara~~ 6, Raja Pemerintah hendaklah seorang laki-laki daripada bangsa Melayu, yang berdarah raja, dan keturunan Raja-Raja Pemerintah Pahang, serta beragama Islam; demikian juga tiap-tiap Waris Ganti, Waris Yang Kedua dan Waris Yang Lain.

#### **Keturunan Sultan Haji Ahmad Shah**

4. Takhta Kerajaan Negeri Pahang mestilah berketurunan kepada putera yang tertua yang hidup dan yang diakui sah putera DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'AZZAM SHAH:

Tetapi disyaratkan seseorang keturunan laki-laki Duli Yang Maha Mulia yang tersebut itu tidak layak menjadi Raja Pemerintah jika sekiranya dia ditimbang dan diputuskan, setelah disiasat dengan sepenuh dan secukup-cukupnya oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, ada mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang boleh menjatuhkan mutu seseorang Raja Pemerintah, seperti gila, buta, bisu atau mempunyai apa-apa sifat yang keji yang dengan sebab sifat itu tidak diluluskan oleh Hukum Syarak menjadi seorang Raja Pemerintah.

### **Keturunan Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad**

5. (1) Jika sekiranya pada mana-mana masa tiada ada keturunan laki-laki daripada DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'AZZAM SHAH atau ada tinggal seorang atau lebih daripada keturunan Baginda itu, tetapi tiada layak dijadikan Raja Pemerintah kerana sebab yang disebutkan dalam Perkara 4, maka seorang di antara laki-laki keturunan DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'AZZAM SHAH IBNI ALMARHUM AL-MUKTASSIM BILLAH SULTAN ABDULLAH, hendaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.

(2) Jika sekiranya pada mana-mana masa tiada ada keturunan laki-laki daripada DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'AZZAM SHAH IBNI ALMARHUM AL-MUKTASSIM BILLAH SULTAN ABDULLAH atau ada tinggal seorang atau lebih daripada keturunan Baginda itu, tetapi tiada layak dijadikan Raja Pemerintah kerana sebab yang disebutkan dalam Perkara 4, maka seorang di antara laki-laki keturunan DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM SULTAN ABDULLAH hendaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.

(3) Jika sekiranya tiada ada keturunan laki-laki daripada DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM SULTAN ABDULLAH atau ada tinggal seorang atau lebih daripada keturunan Almarhum itu, tetapi tiada layak dijadikan Raja Pemerintah kerana sebab yang disebutkan dalam Perkara 4, maka seorang di antara laki-laki keturunan DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM SULTAN AHMAD hendaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.

(4) Sesiapa pun tiada boleh dipilih dan dilantik sebagai Raja Pemerintah menurut Perkara ini, kecuali jika dia laki-laki yang diakui sah berdarah raja dan beragama Islam.

**Jika tiada keturunan Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad yang layak menjadi Raja Pemerintah**

6. (1) Jika sekiranya tiada siapa yang layak dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah, menurut syarat-syarat Perkara 5, maka Jumaah Pangkuan Diraja Negeri hendaklah memilih dan melantik seorang Raja Pemerintah iaitu seorang laki-laki yang cukup umur, sempurna akal, rakyat Raja Negeri Pahang berbangsa Melayu, beragama Islam, daripada darah baik-baik dan diakui telah diperanakkan dengan secara halal, dan sah boleh membaca dan menulis bahasa Melayu, dan baik namanya, baik budi pekertinya dan baik kelakuan dan tingkah lakunya.

(2) Jika sekiranya orang yang dipilih dan dilantik menjadi Raja Pemerintah, menurut syarat-syarat Perkara ini, bukannya daripada darah raja, maka kehendak-kehendak Perkara 3 tiadalah dipakaikan kepadanya dan pilihan dan lantikannya itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perkecualian yang lulus pada sisi undang-undang.

**Memilih, melantik dan menabalkan Raja Pemerintah**

7. (1) Apabila mangkat Raja Pemerintah atau jika sekiranya Raja Pemerintah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah dengan kerana syarat-syarat Perkara 8 atau 9, maka Waris Ganti, kecuali jika Waris Ganti tiada layak menjadi Raja Pemerintah dengan kerana sebab yang disebutkan dalam Perkara 4, hendaklah diakui oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri sebagai Raja Pemerintah, dan kemudian daripada itu hendaklah ditabalkan menurut adat istiadat Melayu Negeri ini.

(2) Jika sekiranya tiada Waris Ganti, maka Raja Pemerintah hendaklah dipilih mengikut syarat-syarat Perkara 4, 5 dan 6.

(3) Tiada suatu apa pun Perkara ini yang akan mengenai Raja Pemerintah semasa Baginda memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

**Raja Pemerintah meninggalkan Negeri berlama-lamaan**

8. (1) Raja Pemerintah tiada boleh meninggalkan Negeri Pahang selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut mengikut takwim Masihi, kecuali jika Jumaah Pangkuan Diraja Negeri puas hati iaitu Baginda meninggalkan Negeri berlama-lamaan itu oleh sesuatu yang patut.

(2) Jika Raja Pemerintah meninggalkan Negeri demikian itu, maka Baginda hendaklah disifatkan tiada lagi menjadi Raja Pemerintah dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri.

(3) Jika sekiranya seseorang Raja Pemerintah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah dengan kerana sebab syarat-syarat Perkara ini, maka Dewan Negeri, jika patut pada timbangannya, bolehlah menguntukkan daripada wang hasil Negeri bagi saraan bekas Raja Pemerintah demikian itu, suatu elaun yang tiada lebih daripada satu perempat daripada belanja yang ditetapkan bagi saraannya pada masa Baginda menjadi Raja Pemerintah dan apa-apa elaun demikian hendaklah dikenakan bayarannya daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Tiada suatu apa pun dalam Perkara ini yang akan mengenai Raja Pemerintah semasa Baginda memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

**Raja Pemerintah turun dari Takhta**

9. (1) Raja Pemerintah, dengan reda hati sendiri, boleh turun dari Takhta dan boleh melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya jika Baginda berkehendak berbuat demikian itu.

(2) Jika pada masa turun dari Takhta, Raja Pemerintah itu bersemayam dalam Negeri ini, maka perintah mengesahkan turun dari Takhta itu hendaklah dijalankan dengan suatu Surat Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dibubuh cap Mohor Negeri, dan Surat Perintah demikian itu hendaklah disaksikan oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang kedua-duanya hendaklah hadir bersama-sama pada masa Raja Pemerintah menurunkan tandatangan pada Surat Perintah yang tersebut itu.

(3) Jika pada masa turun dari Takhta itu, Raja Pemerintah tiada bersemayam di dalam Negeri, maka perintah mengesahkan turun dari Takhta itu hendaklah dibuat dengan Surat Perintah dengan dibubuh cap Mohor Negeri ditandatangani oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

(4) Setelah selesai disempurnakan Surat Perintah turun dari Takhta itu, maka Raja Pemerintah hendaklah disifatkan bukan lagi Raja Pemerintah dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak-hak dan tuntutannya ke atas Negeri.

(5) Surat Perintah turun dari Takhta itu hendaklah diisytiharkan dalam *Warta Kerajaan* dan dihebahkan kepada penduduk-penduduk Negeri dengan seberapa segeranya.

(6) Seseorang Raja Pemerintah yang telah turun dari Takhta adalah berhak mendapat elaun seumur hidup daripada wang hasil Negeri, banyaknya elaun itu hendaklah ditetapkan oleh Dewan Negeri dan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan dan hendaklah tiada lebih daripada satu perempat daripada belanja yang ditetapkan kerana saraannya pada masa baginda menjadi Raja Pemerintah dan, jika baginda tiada memiliki rumah sendiri, maka baginda berhak, selama hidupnya, disediakan dengan tempat kediaman yang munasabah dalam Negeri oleh Dewan Negeri.

### **Penamatan elaun Raja Pemerintah dalam hal-hal yang tertentu**

10. Bayaran apa-apa elaun kepada seseorang Raja Pemerintah yang telah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah menurut Perkara 8 atau telah turun dari Takhta sebagaimana yang disyaratkan dalam Perkara 9, bolehlah ditamatkan atau ditahan oleh Dewan Negeri jika Raja Pemerintah yang telah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah atau yang telah turun dari Takhta itu, melakukan atau cuba melakukan apa-apa jua perbuatan derhaka kepada Negeri atau, dengan sebarang apa cara jua, merosakkan atau cuba merosakkan Negeri atau bersubahat dengan siapa-siapa juga atau dengan mana-mana kerajaan asing dengan tujuan mendatangkan bencana kepada Negeri atau kepada kepentingan-kepentingan Negeri.

### **Elaun Raja Pemerintah**

11. (1) Raja Pemerintah adalah berhak mendapat elaun dengan persetujuan Dewan Negeri dan elaun itu sepanjang-panjang masa



mestilah berpadanan dan munasabah cukupnya dengan pangkat dan ketinggian darjah Raja Pemerintah, dan pada masa menimbangkan beberapa banyak elaun itu, maka tiadalah boleh dikira apa-apa pendapatan Raja Pemerintah itu yang diperoleh daripada harta Baginda sendiri.

(2) Walaupun ada syarat-syarat dalam Fasal (1), Raja Pemerintah tiada berhak mendapat apa-apa elaun menurut Perkara ini bagi apa-apa juga tempoh yang Baginda dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, atau berkenaan dengan apa-apa jua tempoh lebih daripada lima belas hari yang Baginda menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

### **Wakil Raja Pemerintah dalam Majlis Raja-Raja**

**12.** (1) Jika Raja Pemerintah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas jawatan Yang di-Pertuan Agong bagi suatu tempoh lebih daripada lima belas hari, maka tempat Raja Pemerintah sebagai ahli Majlis Raja-Raja hendaklah diambil oleh Pemangku Raja atau oleh seorang ahli Jumaah Pemangku Raja yang dilantik kerana itu oleh Jumaah Pemangku Raja.

(2) Raja Pemerintah berkuasa boleh melantik, dengan Surat Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dibubuh cap Mohor Negeri, siapa-siapa jua daripada bangsa Melayu dan beragama Islam bagi mengambil tempatnya sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja:

Tetapi disyaratkan, dalam hal-hal yang disebutkan dalam Fasal (1), lantikan demikian itu hendaklah dibuat oleh Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiap-tiap lantikan menurut Perkara ini hendaklah selama apa-apa jua tempoh dan dengan tertakluk kepada apa-apa jua syarat dan sekatan sebagaimana yang harus ditetapkan dalam surat lantikan itu.

### **Isteri Raja Pemerintah**

**12A.** (1) Raja Pemerintah boleh melantik Isterinya menjadi DULI YANG MAHA MULIA TENGKU AMPUAN PAHANG dengan syarat bahawa dia adalah seorang daripada bangsa Melayu,

yang berdarah raja, yang beragama Islam dan perkahwinannya dengan Raja Pemerintah adalah sah menurut Hukum Syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa pada masa perkahwinan itu dilangsungkan.

(2) Apabila berlakunya kemangkatan Raja Pemerintah, maka gelaran Isteri Raja Pemerintah akan bertukar daripada “DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG” kepada “DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN BESAR (nama tubuh)”, dan apabila berlakunya perceraian di antara Raja Pemerintah dan Isterinya itu, maka gelaran “DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG” akan mansuh dengan sendirinya.

(3) Gelaran “DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG” akan mansuh dengan sendirinya apabila Raja Pemerintah berhenti daripada menjadi Raja Pemerintah menurut Perkara 8 atau dengan reda hatinya sendiri telah turun dari Takhta dan melepaskan hak-hak dan kuasa diraja menurut Perkara 9.

(4) DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG, dan DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN BESAR (nama tubuh) adalah berhak untuk menerima elaun dengan persetujuan Dewan Negeri dan elaun-elaun ini adalah dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan:

Tetapi adalah disyaratkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG, adalah tiada berhak mendapat apa-apa elaun menurut Perkara ini bagi apa-apa jua tempoh yang Raja Pemerintah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, atau berkenaan dengan apa-apa jua tempoh lebih daripada lima belas hari yang Raja Pemerintah menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong:

Dan adalah disyaratkan apabila mansuhnya gelaran “DULI YANG MAHA MULIA TENGGU AMPUAN PAHANG” oleh sebab perceraian, maka perkara elaun bolehlah dipertimbangkan semula oleh Dewan Negeri.

## *Bab II – Jumaah Pemangku Raja*

### **Tugas-tugas diraja**

13. Dalam Bab ini, kecuali jika disebutkan dengan nyata akan maksud lain, kalimah “tugas-tugas diraja” termasuk semua kuasa

yang ada pada Raja Pemerintah, baik kuasa hak kedaulatan atau kuasa mengikut undang-undang.

### **Jumaah Pemangku Raja**

14. Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Bab ini, hendaklah ada sebuah Jumaah Pemangku Raja dalam Negeri—

- (a) dalam tempoh Raja Pemerintah belum cukup umur;
- (b) dalam tempoh Raja Pemerintah tiada dapat menjalankan tugas;
- (c) apabila Raja Pemerintah berangkat ke luar Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari;
- (d) apabila Raja Pemerintah menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama lebih daripada lima belas hari.

### **Raja Pemerintah belum cukup umur**

15. Jika Raja Pemerintah, pada tarikh naik Takhta Kerajaan, berumur kurang daripada lapan belas tahun mengikut kiraan takwim *Hijrah*, maka selagi Baginda belum mencapai umur lapan belas tahun, tugas-tugas diraja hendaklah dijalankan dengan nama dan bagi pihak Raja Pemerintah iaitu oleh Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Diraja yang dilantik menurut Bab ini dan, jika apa-apa tugas yang dijalankan itu berlawanan dengan adat Melayu Negeri Pahang atau dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, Jumaah Pangkuan Diraja Negeri berkuasa boleh memberhentikan Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja dan melantik yang lain.

### **Keuzuran Raja Pemerintah**

16. Jika Jumaah Pangkuan Diraja Negeri puas hati daripada keterangan yang mesti termasuk keterangan daripada sekurang-kurangnya dua orang tabib bahawa Raja Pemerintah itu, dengan kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan, tiada dapat menjalankan tugas-tugas diraja maka selagi belum dimasyhurkan oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri bahawa Raja Pemerintah itu telah sihat dan layak menjalankan semua tugas-tugas diraja, tugas-tugas demikian hendaklah dijalankan dengan nama dan bagi pihak Raja Pemerintah oleh Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja.

**Kegeringan sedikit-sedikit dan meninggalkan Negeri**

17. Jika sekiranya Raja Pemerintah itu gering yang tiada sampai lemah akal fikiran atau tubuh badan sebagaimana yang disebutkan dalam Perkara 16, atau berangkat ke luar Negeri atau bercadang hendak berangkat ke luar Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari, maka Raja Pemerintah bolehlah dengan Surat Perintah yang ditandatangani Baginda dan dibubuh cap Mohor Negeri, melantik Pemangku Raja bagi menunaikan tugas-tugas diraja selama kegeringan atau selama keberangkatan Baginda ke luar Negeri itu:

Tetapi sungguhpun demikian, disyaratkan iaitu apa-apa lantikan demikian itu adalah terhenti kuat kuasanya apabila Raja Pemerintah mangkat atau apabila berbangkit hal-hal seperti yang disebutkan dalam Perkara 16 atau Perkara 18.

**Raja Pemerintah menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong**

18. (1) Jika sekiranya Raja Pemerintah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lebih daripada lima belas hari, maka Raja Pemerintah bolehlah, dengan Surat Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dibubuh cap Mohor Negeri, yang dikeluarkan—

- (a) jika dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, pada bila-bila masa sebelum mengangkat sumpah seperti yang dikehendaki oleh Fasal (1) Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) jika menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lebih daripada lima belas hari, pada bila-bila masa sebelum berhenti daripada menjalankan tugas-tugasnya sebagai Raja Pemerintah menurut Perkara 34 Perlembagaan Persekutuan,

melantik Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja bagi menunaikan tugas-tugas diraja sehingga sampai masanya Baginda berhenti daripada menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

(2) Jika sekiranya Raja Pemerintah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lebih daripada lima belas hari dan tiada melantik Pemangku Raja menurut kehendak Fasal (1) maka tugas-tugas diraja hendaklah dijalankan dengan nama dan bagi pihak Raja Pemerintah oleh seorang Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja.

(3) Jika sekiranya seorang Pemangku Raja atau ahli Jumaah Pemangku Raja yang dilantik menurut Perkara ini mangkat atau tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan kerana apa-apa jua sebab, maka Raja Pemerintah bolehlah melantik orang lain bagi memenuhi jawatan kosong itu menurut syarat-syarat Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini.

### **Lantikan Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja**

**19.** (1) Apabila mustahak melantik Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja menurut Bab ini:

- (a) Pemangku Raja itu hendaklah seorang Melayu rakyat Raja Pemerintah, beragama Islam dan hendaklah berdarah raja;
- (b) Jumaah Pemangku Raja hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang mesti orang Melayu rakyat Raja Pemerintah, beragama Islam, tetapi tidak termesti kesemuanya berdarah raja;
- (c) kecuali jika disyaratkan berlain daripada ini, Pemangku Raja atau ahli Jumaah Pemangku Raja hendaklah dipilih oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan hendaklah dilantik dengan Surat Perintah dengan dibubuh cap Mohor Negeri dan ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan dan lantikan itu hendaklah diumumkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Jika sekiranya seseorang Pemangku Raja atau ahli Jumaah Pemangku Raja yang dilantik menurut syarat Perkara ini mangkat atau tiada dapat menjalankan tugas-tugasnya kerana apa-apa jua sebab, maka bolehlah dilantik orang lain akan gantinya bagi memenuhi jawatan kosong itu menurut syarat-syarat Perkara ini.

*Bab III – Waris Ganti*

**Lantikan Waris Ganti**

20. (1) Raja Pemerintah, setelah berunding dengan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, boleh melantik seseorang menjadi Waris Ganti yang akan digelar dengan gelaran “Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota”, atau dengan apa-apa gelaran lain sebagaimana yang harus ditetapkan, dan Waris Ganti ini adalah menjadi Waris Takhta Kerajaan Pahang.

(2) Lantikan seseorang Waris Ganti hendaklah diumumkan dalam *Warta* Kerajaan.

**Elaun untuk Waris Ganti dan isterinya**

20A. (1) Waris Ganti adalah berhak menerima elaun dengan persetujuan Dewan Negeri dan elaun ini hendaklah dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan.

(2) Isteri Waris Ganti hendaklah digelar dengan gelaran “Yang Teramat Mulia Tengku Puan” dan dia adalah berhak menerima elaun dengan persetujuan Dewan Negeri dan elaun itu hendaklah dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan.

**Waris Ganti meninggalkan Negeri, dilucutkan jawatan dan menyerahkan balik kuasa**

21. (1) Jika Waris Ganti berkepanjangan meninggalkan Negeri selama tempoh dua belas bulan berturut-turut, mengikut takwim Masihi, dengan tidak ada sebab yang mencukupi dan munasabah, maka pada bila-bila masa jua selepas dua belas bulan itu dalam masa dia masih meninggalkan Negeri, Raja Pemerintah, setelah berunding dengan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, bolehlah memasyhurkan iaitu peninggalan Waris Ganti meninggalkan Negeri berlama-lamaan sedemikian itu bukan kerana sesuatu sebab yang mencukupi dan munasabah, dan selepas itu Waris Ganti itu hendaklah disifatkan telah berhenti dan telah melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasanya jika ada, seolah-olah dia telah berhenti menurut perenggan (a) Fasal (3).

(2) (a) Raja Pemerintah, pada bila-bila masa, setelah berunding dengan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, boleh memasyhurkan bahawa Waris Ganti, dengan kerana kecacatan tubuh badan atau kecacatan perangai, telah tiada layak menjadi Waris Ganti lagi dan dengan itu Waris Ganti itu hendaklah disifatkan telah dipecat dan tiada lagi menjadi Waris Ganti.

(b) Perkara Waris Ganti telah dipecat itu hendaklah diumumkan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) (a) Waris Ganti, dengan reda hati sendiri, bolehlah berhenti dan menyerahkan balik hak-hak dan kuasa-kuasanya, jika ada, jika dia hendak berbuat demikian itu.

(b) Jika pada masa dia berhenti dan menyerahkan balik hak-hak dan kuasa-kuasanya, Waris Ganti itu berkediaman dalam Negeri, maka ketetapan keberhentiannya itu hendaklah dibuat dengan Surat Perintah yang ditandatangani oleh Waris Ganti itu dan tandatangan itu hendaklah disaksikan oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang mesti hadir bersama-sama pada masa Waris Ganti itu menandatangani Surat Perintah yang tersebut itu.

(c) Jika pada masa keberhentiannya itu, Waris Ganti tiada berkediaman di dalam Negeri, ketetapan keberhentiannya hendaklah dimasyhurkan dan disaksikan dengan Surat Perintah dengan dibubuh cap Mohor Negeri dan ditandatangani oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

(d) Setelah selesai disempurnakan Surat Perintah berhenti itu, maka Waris Ganti hendaklah disifatkan bukan lagi Waris Ganti dan telah menarik diri daripada hak-haknya, jika ada, sebagai Waris Ganti dan daripada tuntutan-tuntutannya ke atas Negeri.

(e) Perkara seseorang Waris Ganti berhenti hendaklah diumumkan dalam *Warta Kerajaan*.

### **Waris-Waris Ganti dan Kerabat-Kerabat Diraja tiada boleh mengganggu hal ehwal Negeri**

22. Waris Ganti tiada kuasa apa-apa jua pun hendak mengambil bahagian, dan tiada boleh mengganggu, dalam apa-apa jua hal ehwal Negeri atau hal ehwal Kerajaan, kecuali hanya apabila dia

mendapat titah daripada Raja Pemerintah, dan syarat ini adalah dipakaikan juga kepada Waris Yang Kedua dan Waris Yang Lain dan Kerabat-Kerabat Raja Pemerintah:

Tetapi disyaratkan jika seseorang Waris atau Kerabat dilantik memegang apa-apa jawatan dalam Negeri, maka Perkara ini tiadalah dipakaikan kepadanya berkenaan dengan menjalankan kewajipan-kewajipannya dalam masa memegang jawatan demikian itu.

#### *Bab IV – Agama Negeri*

##### **Agama Negeri**

23. Agama Negeri hendaklah agama Islam sebagaimana yang selama ini dianuti dan diamalkan dalam Negeri ini:

Disyaratkan bahawa semua agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang-orang yang menganuti agama-agama itu di mana-mana juga dalam Negeri ini.

##### **Raja Pemerintah Ketua agama Negeri**

24. (1) Ketua agama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan Baginda bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris "Council of Religion and Malay Custom" bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai agama Negeri dan adat resam Melayu.

(2) Walau pun ada Jumaah Pemangku Raja dalam Negeri dengan kerana Raja Pemerintah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong, Raja Pemerintah hendaklah terus menerus menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua agama Negeri.

(3) Raja Pemerintah, sebagai Ketua agama Negeri hendaklah, menurut Perlembagaan Persekutuan, memberi kuasa kepada Yang



di-Pertuan Agong mewakilinya dalam apa-apa langkahan, amalan atau upacara agama Islam yang menurut persetujuan Majlis Raja-Raja, meliputi Persekutuan seluruhnya.

### **Majlis Adat Istiadat Negeri Pahang**

**24A.** (1) Raja Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Adat Istiadat, dan hanya Majlis ini sahaja yang berhak membantu dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai adat istiadat dalam Negeri ini.

(2) Majlis Adat Istiadat ini hendaklah terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan tidak kurang daripada lima orang ahli lain, yang semuanya hendaklah dilantik oleh Raja Pemerintah.

### *Bab V – Jumaah Pangkuan Diraja Negeri*

#### **Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan kehadiran dalam mesyuarat-mesyuarat itu**

**25.** (1) Mesyuarat-mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri hendaklah, selepas diadakan perundingan dengan Raja Pemerintah, dipanggil oleh Waris Ganti atau Kerabat Bergelar yang ditauliahkan dengan sempurna oleh Raja Pemerintah dengan notis oleh salah seorang daripada mereka pada masa dan tempat yang ditetapkan di dalam notis tersebut dan dengan itu adalah menjadi kewajipan bagi tiap-tiap ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri untuk hadir pada masa dan tempat itu kecuali ketidakhadirannya itu dimaafkan oleh Waris Ganti atau Kerabat Bergelar yang ditauliahkan dengan sempurna oleh Raja Pemerintah atas sebab-sebab yang didapatinya munasabah dan memuaskan.

(2) Raja Pemerintah dengan menggunakan kebijaksanaannya dari semasa ke semasa, berhak mempengerusikan mesyuarat Jumaah Pangkuan Negeri.

(3) Apabila seorang Raja Pemerintah itu mangkat:

(a) Jumaah Pangkuan Diraja Negeri hendaklah bermesyuarat di Pekan dalam tempoh dua puluh empat jam dari waktu kemangkatan Raja Pemerintah;

- (b) mesyuarat itu hendaklah dipanggil oleh Waris Ganti pada masa yang ditetapkan dan hendaklah dihadiri oleh tiap-tiap Ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri kecuali ketidakhadirannya itu dimaafkan oleh Waris Ganti atas sebab-sebab yang didapatinya munasabah dan mencukupi.

### **Cukup bilangan**

26. Dalam apa-apa mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri hendaklah jadi cukup bilangan.

### **Lebih suara**

27. Keputusan apa-apa mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri adalah sah dan berkuat kuasa apabila ianya dibuat dengan kelebihan suara:

Dengan syarat bahawa Jumaah Pangkuan Diraja Negeri boleh pada bila-bila masa membuat peraturan tetap untuk menentukan mana-mana keputusan mesyuaratnya yang mesti dipersetujui dan disahkan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri yang hadir serta mengundi dalam mesyuarat tersebut.

### **Peraturan Tetap**

- 27A. (1) Jumaah Pangkuan Diraja Negeri pada bila-bila masa, boleh membuat Peraturan-Peraturan Tetap mengenai mesyuarat dan perjalanan urusannya dan Peraturan-Peraturan Tetap tersebut hendaklah diwartakan dalam *Warta Kerajaan Negeri*.

(2) Peraturan-Peraturan Tetap yang tersebut dalam Fasal (1) dalam Perkara ini hendaklah dipersetujui dan disahkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri yang hadir serta mengundi dalam mesyuaratnya.

*Bab VI – Pangkat-Pangkat Kemuliaan dan  
Aturan Adat Istiadat***Raja Pemerintah sahaja yang menjadi punca kemuliaan**

28. Raja Pemerintah ialah punca bagi segala pangkat-pangkat kebesaran dan pangkat-pangkat kemuliaan di dalam Negeri dan Baginda sahajalah seorang yang boleh mengurniakan gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat kemuliaan dan mengadakan pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan.

**Hak Raja Pemerintah mengurniakan gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat kemuliaan**

29. (1) Raja Pemerintah berhak mengurniakan ke atas siapa-siapa jua, baik raja atau bukan raja, apa-apa gelaran atau pangkat-pangkat kemuliaan yang ada sekarang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Raja Pemerintah, dengan nasihat Menteri Besar, bolehlah mengurniakan pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan ke atas siapa-siapa jua, baik raja atau bukan raja dan Raja Pemerintah, dengan nasihat demikian itu, boleh melucutkan pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan yang tersebut dalam Fasal ini yang sekarang disandang oleh seseorang, baik raja atau bukan raja, atau yang akan dikurniakan seterusnya setelah orang itu melakukan sesuatu kesilapan atau kesalahan yang menyebabkan pelucutan itu patut dan munasabah.

(3) Raja Pemerintah, pada bila-bila masa kemudian daripada ini, dengan nasihat bersama Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan Menteri Besar, bolehlah mengadakan lain-lain gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan, dan dengan nasihat demikian itu Raja Pemerintah bolehlah menetapkan sama ada gelaran-gelaran, pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan itu dari sekarang hingga ke hadapan hendak dikurniakan dengan nasihat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri atau nasihat Menteri Besar.

(4) Jika mengadakan sesuatu gelaran, pangkat kemuliaan, pangkat kebesaran atau kurniaan itu menggunakan perbelanjaan daripada wang hasil Negeri, maka hendaklah didapatkan persetujuan Dewan Negeri.

**Taraf gelaran**

30. Raja Pemerintah, apabila mengurniakan apa-apa gelaran atau pangkat kemuliaan di bawah Fasal (1) Perkara 29, bolehlah menentukan pangkat, kedudukan, tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan, jika ada, bagi orang yang dikurniakan itu dan sama ada gelaran atau pangkat-pangkat kemuliaan yang dikurniakan itu turun-menurun atau tidak.

**Taraf pangkat**

30A. Raja Pemerintah, apabila mengurniakan apa-apa pangkat kebesaran atau kurniaan yang dikehendaki mendapat nasihat Menteri Besar seperti dikehendaki oleh Fasal (2) Perkara 29, bolehlah dengan nasihat itu, menentukan pangkat, kedudukan, tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan, jika ada, bagi orang yang dikurniakan itu sama ada pangkat kebesaran atau kurniaan yang dikurniakan itu turun-menurun atau tidak.

**Kuasa melucutkan gelaran**

31. Raja Pemerintah berhak melucutkan apa-apa gelaran atau pangkat kemuliaan yang sekarang disandang oleh seseorang, baik raja atau bukan raja, atau yang akan dikurniakan seterusnya dengan syarat Perkara 28, 29 dan 30 jika telah dilakukan sesuatu kesilapan atau kesalahan yang menyebabkan pelucutan itu patut dan munasabah.

*Bab VII – Perkara-Perkara Am*

**Had-had kuasa Raja Pemerintah**

32. (1) Maka adalah salah pada undang-undang bagi Raja Pemerintah, dengan apa-apa cara jua, memindah milik atau menyerah atau membuat apa-apa perjanjian atau perundingan bagi memindah milik atau menyerah Negeri atau mana-mana bahagian daripada Negeri atau Kerajaan Negeri kepada mana-mana jua pun kerajaan lain atau ke dalam kuasa apa-apa jua bangsa lain, dan apa-apa perbuatan demikian itu oleh Raja Pemerintah tetaplah tiada sah sama sekali dan tiada memberi kesan.

(2) Tiada suatu apa pun dalam Perkara ini yang boleh disifatkan akan melemahkan kuasa syarat-syarat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957.

### **Cogan kata Negeri, Panji-Panji dan Lambang Negeri**

33. Cogan kata Negeri, iaitu "*Yalatif*" dan dipanggil dalam bahasa Inggeris "*O God the Gentle*", Lambang Negeri, Alamat-Alamat Kebesaran Raja, Panji-Panji Raja Pemerintah, Bendera Negeri hendaklah dipakai seperti biasa sebagaimana yang dipakai dari selama ini dan hendaklah diperkekalkan.

### **Pindaan Bahagian ini**

34. (1) Syarat-syarat Bahagian ini bolehlah dipinda oleh Raja Pemerintah dengan Pemasyhuran yang dikeluarkan dengan nasihat Jumaah Pangkuan Diraja Negeri tetapi tiada boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri atau dengan apa-apa jua jalan lain.

(2) Dalam Perkara ini "pindaan" termasuklah tambahan dan pemansuhan.

### **Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan**

35. (1) Dengan tiada mengurangkan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dalam perkara-perkara rayuan bicara atau perkara-perkara menimbang semula keputusan mahkamah lain, jika dalam apa-apa perbincangan di hadapan mahkamah lain ada berbangkit soal berkenaan dengan natijah apa-apa jua syarat dalam Bahagian ini, maka Mahkamah Persekutuan berkuasa, dengan permintaan salah satu pihak dalam perbincangan itu, memberi ketetapan dalam soal itu dan memutuskan perkara itu atau menghantar balik kepada mahkamah satu lagi yang disebutkan tadi supaya diputuskan oleh mahkamah itu menurut ketetapan Mahkamah Persekutuan.

(2) Raja Pemerintah bolehlah menyampaikan apa-apa masalah kepada Mahkamah Persekutuan meminta pendapat Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan natijah apa-apa jua syarat dalam Bahagian ini yang telah berbangkit atau nampak kepada Raja Pemerintah harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan

hendaklah memasyhurkan pendapatnya dalam mahkamah terbuka atas apa-apa jua masalah yang disampaikan kepadanya sedemikian itu.

### Tafsiran

36. (1) Dalam Bahagian ini, kecuali jika kandungan ayatnya berkehendakkan pengertian lain, kalimah-kalimah yang tersebut di bawah ini adalah bermakna seperti yang ditetapkan maknanya di sini pada masing-masing kalimah itu, iaitu—

“Hukum Syarak” maknanya badan undang-undang yang dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai “*Laws of the religion of Islam*”;

“Jumaah Pangkuan Diraja Negeri” bermakna sebuah badan yang terdiri daripada—

- (a) Waris Ganti;
- (b) Kerabat-Kerabat Bergelar yang tersebut dalam Jadual kepada Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang;
- (c) tiga orang ahli daripada Kerabat-Kerabat yang tidak bergelar, yang dilantik oleh Raja Pemerintah (iaitu dua orang daripadanya dipilih oleh Raja Pemerintah dan seorang lagi dipilih oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri) bagi tempoh dua tahun;
- (d) Orang-Orang Besar (Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan, dan empat orang yang dilantik oleh Raja Pemerintah daripada Orang Besar Enam Belas, iaitu dua dari Hulu dan dua dari Hilir Negeri) dengan syarat bahawa pelantikan empat orang daripada Orang Besar Enam Belas hendaklah bagi tempoh dua tahun;
- (e) Menteri Besar;
- (f) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (g) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (h) Pegawai Kewangan Negeri;
- (i) Mufti Kerajaan Negeri atau *Sheikhul Islam*, sesiapa yang terkanan di antara dua;

- (j) empat orang Penghulu (dua dari Hulu dan dua dari Hilir Negeri) yang dilantik oleh Raja Pemerintah bagi tempoh dua tahun;
- (k) satu Orang Besar Raja yang dilantik oleh Raja Pemerintah bagi tempoh dua tahun;
- (l) dua orang Dato' Yang Kehormat yang dilantik oleh Raja Pemerintah bagi tempoh dua tahun; dan
- (m) dua orang (seorang yang telah dikurniakan dengan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat DiMulia Peringkat Pertama, Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (s.s.A.P.) dan seorang yang telah dikurniakan dengan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia Peringkat Pertama, Sri Indera Mahkota Pahang (s.I.M.P.)) yang dilantik oleh Raja Pemerintah selama dua tahun;

“Raja Pemerintah” maknanya Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang dan termasuklah Waris-Waris Takhta Kerajaan;

“Waris Ganti” maknanya Waris yang akan naik Takhta Kerajaan Negeri Pahang menggantikan Raja Pemerintah;

“Waris Yang Kedua” maknanya putera-putera Raja Pemerintah, selain daripada Waris Ganti;

“Waris Yang Lain” maknanya orang-orang yang lain daripada Waris Ganti dan Waris Yang Kedua yang mengikut giliran naik Takhta Kerajaan menggantikan Raja Pemerintah.

(2) Kecuali jika kandungan ayatnya berkehendakkan maksud yang lain, apa-apa sebutan dalam Bahagian ini mengenai sesuatu Perkara atau Bab atau Jadual yang ditentukan, adalah sebutan mengenai Perkara atau Bab atau Jadual dalam Bahagian ini; dan apa-apa sebutan mengenai sesuatu Fasal yang ditentukan, ialah sebutan mengenai Fasal dalam Perkara itu di mana ada sebutan itu.

(3) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang lalu dalam Perkara ini, Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipakaikan bagi mentafsirkan Bahagian ini sebagaimana yang dipakaikan bagi mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan.

(4) Kecuali jika tafsiran sesuatu perkataan atau kalimah itu ditentukan dengan nyatanya dalam Bahagian ini, atau jika kandungan ayatnya membawa kepada maksud yang lain, maka \*Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*], atau apa-apa jua Ordinan atau Akta Parlimen yang menggantikannya, hendaklah dipakai untuk mentafsirkan Bahagian ini sebagaimana yang dipakai bagi mentafsirkan sebarang undang-undang bertulis.

*Bab VIII – Pembatalan*

**Pembatalan**

37. Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang telah diisytiharkan pada 7 haribulan Julai tahun 1952, sebagaimana yang telah dipinda dari satu masa ke satu masa, adalah dengan ini dibatalkan.

JADUAL

[Perkara 29(1)]

KERABAT-KERABAT BERGELAR

Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggung Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Wangsa Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Seri Nila Utama Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Kemala Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Manja Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Bongsu Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Panglima Perang Pahang  
Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar Pahang

---

\*CATATAN—Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.



## ORANG-ORANG BESAR

*Orang Besar Berempat—*

Orang Kaya Indera Shahbandar  
Orang Kaya Indera Segara  
Orang Kaya Pahlawan  
Orang Kaya Indera Perba Jelai

*Orang Besar Berlapan—*

Dato' Setia Muda  
Dato' Setia Lela  
Dato' Setia Perkasa  
Dato' Setia Pahlawan  
Dato' Setia Raja  
Dato' Setia Wangsa  
Dato' Setia Amar Segara  
Dato' Setia Penggawa

*Orang Besar Enam Belas—*

Enam Belas Orang

---

**BAHAGIAN II****Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan**

1. Perkara-Perkara yang terkandung di dalam Bahagian ini (selepas daripada ini disebut "Bahagian ini") adalah Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang disebut dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Pahang" dan hendaklah dibaca dengan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan hendaklah berjalan kuat kuasanya pada tarikh dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang lepas.

*Bab I – Pemerintahan*

**Kuasa pemerintahan**

2. (1) Kuasa pemerintahan Negeri adalah terletak pada Raja Pemerintah tetapi tugas-tugas pemerintahan bolehlah dengan undang-undang diberi kepada orang-orang lain atau pihak-pihak berkuasa yang lain.

(2) Segala kuasa pemerintahan Negeri hendaklah disebut dengan nama Raja Pemerintah.

**Lantikan Menteri Besar**

3. (1) Raja Pemerintah dengan Surat Lantikan yang ditandatangani oleh Baginda dan dicap dengan cap Mohor Negeri, hendaklah melantik seorang Menteri Besar menurut syarat-syarat perenggan (a) Fasal (2) Perkara 4.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Fasal (4) Perkara 4, siapa-siapa jua tiada boleh dilantik menjadi Menteri Besar melainkan dia berbangsa Melayu dan beragama Islam.

**Majlis Mesyuarat Kerajaan**

4. (1) Raja Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah ditubuhkan seperti yang tersebut di bawah ini iaitu—

(a) Raja Pemerintah hendaklah terlebih dahulu melantik seorang Menteri Besar daripada ahli Dewan Negeri bagi mengetuakan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pada timbangan Baginda harus mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Negeri bagi mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan; dan

(b) hendaklah Baginda dengan nasihat Menteri Besar melantik tiada lebih daripada sepuluh orang dan tiada kurang daripada empat orang ahli-ahli lain di antara ahli-ahli Dewan Negeri,

tetapi jika sesuatu lantikan itu diperbuat pada masa Dewan Negeri dibubarkan, seseorang yang telah menjadi ahli Dewan Negeri yang lepas bolehlah dilantik tetapi tiada boleh memegang jawatan sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan kemudian daripada persidangan yang pertama Dewan Negeri yang baharu, kecuali jika dia menjadi seorang ahli Dewan itu.

(3) Walaupun ada apa-apa terkandung di dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara dengan permohonan (*naturalization*) atau dengan pendaftaran menurut \*Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan, tidaklah boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Dalam melantik seorang Menteri Besar, bolehlah Raja Pemerintah, jika baik pada pertimbangan Baginda mengenyepikan apa-apa jua syarat dalam Perkara 3 yang menyekatkan pemilihan itu, jika pada fikiran Baginda mustahak berbuat demikian supaya menepati syarat-syarat Perkara ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah bersama-sama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

(6) Jika Menteri Besar tiada lagi mendapat kepercayaan daripada kebanyakan ahli-ahli Dewan Negeri, maka hendaklah dia menyerahkan sekalian jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan, kecuali jika dengan permohonannya Raja Pemerintah membubarkan Dewan Negeri.

(7) Dengan tertakluk kepada Fasal (6) seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, selain daripada Menteri Besar, akan memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Raja Pemerintah, tetapi siapa-siapa ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa.

(8) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan tiada boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan (*profession*) yang berkait dengan apa-apa perkara atau jabatan yang dia bertanggungjawab dan selagi dia mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan (*profession*) itu, tiadalah boleh

---

\*CATATAN—Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.

dia campur tangan dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan dengan perniagaan atau pekerjaan itu atau dalam apa-apa keputusan yang harus menyentuh kepentingan kewangannya dalam perkara-perkara yang demikian.

(9) Badan Perundangan Negeri hendaklah dengan undang-undang mengadakan peruntukan saraan bagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

### **Sumpah jawatan**

5. Melainkan dengan kerana hendak menjalankan kehendak Perkara ini, maka tiadalah boleh siapa-siapa ahli duduk atau mengundi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan selagi belum dia mengangkat sumpah dan menandatangani sumpah itu di hadapan Raja Pemerintah atau di hadapan siapa-siapa lain yang diberi kuasa oleh Raja Pemerintah untuk maksud itu, iaitu suatu sumpah seperti yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama, dan dalam sumpah itu hendaklah ditambah apa-apa perkataan mengikut kepercayaan agamanya yang mengikat perasaan hati orang yang bersumpah itu.

### **Raja Pemerintah menjalankan kewajipan hendaklah mengikut nasihat**

6. (1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini atau di bawah apa-apa undang-undang, atau sebagai ahli Majlis Raja-Raja, hendaklah Raja Pemerintah menjalankan tugas mengikut sebagaimana nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang menjalankan kewajipan mengikut kuasa-kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan, melainkan ada syarat yang lain dalam Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini; tetapi berhaklah Baginda dengan permintaannya mendapat apa-apa penerangan berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh diperoleh oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(1A) Jika pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Undang-Undang Tubuh ini atau di bawah mana-mana undang-undang atau sebagai ahli Majlis Raja-Raja, Raja Pemerintah dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat atau selepas menimbang nasihat mana-mana orang atau kumpulan orang, maka Raja Pemerintah hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Raja Pemerintah boleh menjalankan dengan timbangan Baginda sendiri tugas-tugas yang berikut (sebagai tambahan kepada tugas-tugas yang boleh dijalankannya mengikut timbangan sendiri di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu—

- (a) lantikan Menteri Besar;
- (b) keengganan memberi persetujuan kepada permohonan bagi membubarkan Dewan Negeri;
- (c) meminta mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, pangkat-pangkat kebesaran dan pangkat-pangkat kemuliaan Duli-Duli Yang Maha Mulia atau berkenaan dengan perkara-perkara amalan agama, upacara atau istiadat;
- (d) apa-apa tugas sebagai Ketua agama Islam atau berkenaan dengan adat istiadat Melayu;
- (e) lantikan seorang bakal atau bakal-bakal Pemerintah, Permaisuri, Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja;
- (f) lantikan orang-orang bagi menyandang pangkat-pangkat, gelaran-gelaran, pangkat-pangkat kebesaran dan kemuliaan mengikut adat Melayu, dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya;
- (g) menentukan peraturan-peraturan di balai-balai diraja dan istana-istana.

(3) Undang-undang Negeri boleh mengadakan syarat menghendaki Raja Pemerintah menjalankan tugas setelah berunding dengan, atau mendapat syor daripada, siapa-siapa jua orang atau kumpulan orang selain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan pada menjalankan apa-apa jua tugas Baginda selain daripada—

- (a) tugas-tugas yang boleh dijalankan oleh Baginda mengikut timbangan sendiri;
- (b) tugas-tugas yang ada syarat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri atau Perlembagaan Persekutuan, berkenaan dengan menjalankannya.

### **Cukup bilangan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

7. Majlis Mesyuarat Kerajaan tiadalah lucut kelayakannya bagi menjalankan urusan dengan sebab kekosongan salah seorang daripada ahlinya; tetapi satu apa-apa pun urusan tiada boleh dijalankan, kecuali urusan menangguhkan mesyuarat, jika ada siapa-siapa ahli yang hadir membantah iaitu bilangan ahli yang hadir kurang daripada empat orang selain daripada ahli yang mengetuakan mesyuarat.

### **Rayuan-rayuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan**

8. Apabila tersebut di bawah mana-mana undang-undang bertulis sesuatu rayuan membantah keputusan siapa-siapa jua boleh diperbuat kepada Raja Pemerintah atau Raja Pemerintah dalam Majlis, maka sahlah pada undang-undang bagi Raja Pemerintah atau Raja Pemerintah dalam Majlis, manakala diperbuat rayuan demikian, melantik sebuah jawatankuasa mengandungi tiada kurang daripada tiga orang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan tujuan mendengar rayuan itu dan menasihatkan Raja Pemerintah atau Raja Pemerintah dalam Majlis (mengikut mana-mana yang berkenaan) apa keputusan yang patut diberi atas rayuan itu.

### **Minit-minit mesyuarat**

9. (1) Minit-minit mesyuarat hendaklah diadakan bagi semua penjalanan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat biasa Majlis Mesyuarat Kerajaan, minit mesyuarat yang baharu lepas hendaklah disahkan dengan dipinda atau dengan tiada dipinda, sebagaimana yang dikehendaki, sebelum meneruskan kepada urusan lain.

10. (*Dipotong oleh En. No. 7/1993*).

### **Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri**

11. (1) Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;

dan pelantikan bagi jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan.

(2) Setiausaha Kerajaan, yang hendaklah berbangsa Melayu dan beragama Islam, hendaklah menjadi pegawai utama yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pentadbiran Negeri.

(3) Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah memberikan nasihat tentang perkara undang-undang yang dirujuk kepada oleh Raja Pemerintah atau Kerajaan Negeri.

(4) Pegawai Kewangan Negeri hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, menjadi pegawai utama yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kewangan Negeri.

(5) Tiap-tiap pegawai sedemikian adalah berhak mengambil bahagian dalam prosiding Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri dan boleh dilantik menganggotai mana-mana jawatankuasa Majlis atau Dewan itu tetapi tidak boleh mengundi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Dewan Negeri atau dalam mana-mana jawatankuasa sedemikian.

(6) Sebelum mana-mana pegawai sedemikian mula menghadiri mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan dia hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah rahsia seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua di hadapan Menteri Besar.

12. *(Dipotong oleh En. No. 7/1993).*

13. *(Dipotong oleh En. No. 7/1993).*

14. *(Dipotong oleh En. No. 7/1993).*

## *Bab II – Kuasa Mengampuni*

### **Kuasa mengampuni dan lain-lain**

15. (1) Raja Pemerintah berkuasa, tertakluk kepada Fasal (3), mengampun, membatalkan atau menangguhkan penjalanan hukuman berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan dalam Negeri

(selain daripada kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera); dan apa-apa jua kuasa yang diberi oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri bagi melepaskan, menangguhkan atau meringankan hukuman bagi apa-apa kesalahan yang demikian bolehlah dijalankan oleh Baginda.

(2) Kuasa-kuasa yang disebutkan dalam Fasal (1) hendaklah dijalankan mengikut, dan tertakluk kepada, syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Raja Pemerintah di bawah Perkara ini hendaklah dijalankan—

- (a) berkenaan dengan diri Baginda atau Isteri Baginda, oleh Majlis Raja-Raja; dan
- (b) berkenaan dengan putera atau puteri Baginda, oleh Raja sesuatu Negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja dan Raja itu hendaklah bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

### *Bab III – Kuasa Negeri*

#### **Kuasa Negeri berkenaan dengan harta, kontrak-kontrak dan pendakwaan-pendakwaan**

16. (1) Negeri adalah berkuasa mengambil, memiliki dan melepaskan apa-apa jua jenis harta benda dan membuat kontrak-kontrak.

(2) Negeri boleh mendakwa dan boleh didakwa.

### *Bab IV – Badan Perundangan*

#### **Badan Perundangan Negeri**

17. Badan Perundangan Negeri hendaklah mengandungi Raja Pemerintah dan sebuah Majlis Mesyuarat yang akan dikenal dengan nama Dewan Negeri (dalam bahasa Inggeris, “the Legislative Assembly”).



**Ahli-ahli Dewan Negeri**

18. Dewan Negeri hendaklah mengandungi empat puluh dua orang ahli yang dipilih.

**Kelayakan ahli-ahli**

19. Tiap-tiap warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih, yang bermastautin dalam Negeri ini adalah berkelayakan menjadi ahli Dewan Negeri kecuali jika lucut kelayakannya daripada menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang seperti yang disebutkan dalam Perkara 20.

**Lucut kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri**

20. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perkara ini, seseorang itu lucut kelayakannya menjadi ahli Dewan Negeri jika—

- (a) dia tiada sempurna akal atau telah didapati atau dinyatakan tiada sempurna akal;
- (b) dia masih dalam bankrap;
- (c) dia memegang jawatan bergaji;
- (d) setelah namanya dicalonkan masuk pilihan raya baik menjadi ahli Majlis Parlimen atau Dewan Negeri, atau setelah bekerja sebagai wakil pilihan raya bagi seseorang yang telah dicalonkan demikian itu, dia tiada menghantar penyata perbelanjaan pilihan raya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dalam tempoh dan dengan cara yang dikehendaki oleh undang-undang;
- (e) dia telah didapati sabit kesalahan oleh mahkamah dalam Persekutuan dan dihukum penjara selama tiada kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak mendapat pengampunan;
- (f) dia dilucut kelayakannya di bawah apa-apa undang-undang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan mengenai pilihan raya kerana menjadi ahli kepada salah satu daripada Majlis Parlimen atau Dewan Negeri dengan kerana didapati sabit kesalahannya demikian itu atau dalam perkara-perkara

mengenai pilihan raya demikian itu dia telah dibuktikan salah kerana melakukan sesuatu kesalahan demikian itu; atau

- (g) dia dengan sendirinya telah mengambil kerakyatan atau menjalankan hak-hak kerakyatan dalam sesebuah negeri asing atau telah membuat ikrar taat setia kepada sesebuah negeri asing.

(2) Syarat lucut kelayakan bagi seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) Fasal (1) bolehlah dimansuhkan oleh Raja Pemerintah dan, jika tidak dimansuhkan demikian, hendaklah habis dengan sendirinya apabila genap tempoh lima tahun mulai daripada tarikh dikehendaki dihantar penyata perbelanjaan yang disebutkan dalam perenggan (d) atau tarikh orang yang didapati sabit kesalahannya itu, seperti yang disebutkan dalam perenggan (e) yang tersebut itu, telah dibebaskan daripada tahanan atau tarikh denda yang disebutkan dalam perenggan (e) telah dikenakan mengikut mana-mana yang berkenaan, dan seseorang itu tiada lucut kelayakannya menurut perenggan (g) Fasal (1) semata-mata dengan kerana apa-apa yang telah dilakukannya sebelum dia menjadi warganegara.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan-peruntukan Perkara ini yang tersebut di atas, jika seseorang ahli Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan diri terus menjadi ahli Dewan itu menurut perenggan (e) Fasal (1) atau di bawah mana-mana undang-undang yang tersebut di dalam perenggan (f) Fasal (1)—

- (a) hilang kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh dia—

(i) disabitkan dan dihukum sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (e) tersebut di atas; atau

(ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah mana-mana undang-undang yang tersebut di dalam perenggan (f) tersebut di atas; atau

- (b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan kena disabitkan

atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hilang kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah dilupuskan oleh mahkamah itu; atau

- (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah yang dinyatakan dalam perenggan (b) itu ada difailkan suatu petisyen mendapat ampun, maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

(4) Fasal (3) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan atau pemilihan mana-mana orang ke Dewan Negeri dan bagi maksud tersebut hilang kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang tersebut dalam perenggan (e) Fasal (1) atau perenggan (f) Fasal yang sama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh peletakan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Negeri ini.

#### **Syarat-syarat menegah menjadi ahli dua kawasan pilihan raya**

**21.** Seseorang itu, pada satu masa yang sama tiada boleh menjadi ahli Dewan Negeri bagi lebih daripada satu kawasan pilihan raya.

#### **Natijah jika seorang ahli lucut kelayakan menjadi ahli dan tegahan menamakan calon dengan tiada persetujuannya**

**22.** (1) Jika seseorang ahli Dewan Negeri lucut kelayakannya daripada menjadi ahli Dewan itu atau jika dia mati, maka kerusinya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika seseorang yang lucut kelayakannya daripada menjadi ahli Dewan Negeri dipilih dalam pilihan raya menjadi ahli Dewan itu atau jika sesuatu pilihan raya itu menyalahi Perkara 20, maka pemilihannya itu adalah tiada sah.

(3) Jika pemilihan atas seseorang itu tiada sah atau harus tiada sah menurut Fasal (2), maka cadangan menamakan dia sebagai seorang calon bagi pilihan raya itu pun tiada sah juga.

(4) Seseorang tiada boleh dengan sahnya dicalonkan bagi pilihan raya Dewan Negeri dengan tiada persetujuannya.

### **Ahli-ahli meletakkan jawatan**

23. Seseorang ahli Dewan Negeri bolehlah meletakkan jawatannya dengan bersurat yang ditandatangani olehnya dan dihantarkannya kepada Yang Dipertua Dewan Negeri.

### **Seseorang ahli yang tiada hadir**

24. Jika seseorang ahli Dewan Negeri, dengan tiada mendapat izin Dewan Negeri, tiada hadir pada tiap-tiap persidangan Dewan Negeri dalam masa enam bulan, maka Dewan Negeri berkuasa boleh memasyhurkan kerusi ahli itu kosong.

### **Keputusan lucut kelayakan menjadi ahli**

25. (1) Jika berbangkit apa-apa soalan sama ada seseorang ahli Dewan Negeri itu telah lucut kelayakannya menjadi ahli, maka hendaklah diambil keputusan Dewan Negeri dan keputusan itu adalah muktamad.

(2) Jika seseorang ahli Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 20 atau di bawah mana-mana undang-undang yang tersebut di dalam perenggan (f) Fasal (1) Perkara 20, Fasal (1) tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Negeri itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang kelayakannya berkuat kuasa mengikut Fasal (3) Perkara 20.

**Memanggil mesyuarat Dewan Negeri, memberhentikan dan membubarkannya**

26. (1) Raja Pemerintah hendaklah dari semasa ke semasa, memanggil Dewan Negeri bersidang dan tiada boleh membiarkan tempoh enam bulan berlalu di antara persidangan yang akhir sekali dalam satu penggal dengan persidangan pertama penggal yang akan datang.

(2) Raja Pemerintah boleh memberhentikan atau membubarkan Dewan Negeri.

(3) Dewan Negeri hendaklah berjalan terus selama lima tahun daripada tarikh persidangan yang pertama dan hendaklah terbubar pada hujung tempoh itu, kecuali jika dibubarkan terlebih dahulu.

(4) Apabila Dewan Negeri dibubarkan pilihan raya hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh pembubarannya, dan Dewan Negeri baharu itu hendaklah dipanggil bersidang pada tarikh tidak lewat daripada sembilan puluh hari daripada tarikh pembubaran itu.

(5) Kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya:

Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Negeri hendaklah, mengikut Fasal (3), menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang Dipertua memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Negeri terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

**Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri**

27. (1) Dewan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih—

- (a) mana-mana orang yang menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Negeri sebagaimana ditentukan oleh Dewan Negeri sebagai Yang Dipertua; dan

- (b) seorang daripada kalangan ahli Dewan Negeri sebagai Timbalan Yang Dipertua,

dan Dewan Negeri tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang Dipertua kosong selain daripada pemilihan Yang Dipertua.

(1A) Mana-mana orang yang bukannya ahli Dewan Negeri yang dipilih sebagai Yang Dipertua—

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Negeri sumpah jawatan; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Negeri sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih ke Dewan Negeri:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan Perkara 4 dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan Negeri.

(2) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Negeri bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Negeri melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1A), apabila dia terhenti berkelayakan menjadi ahli;
- (c) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah Fasal (5); atau
- (d) jika pada bila-bila masa, Dewan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Timbalan Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan menulis surat yang ditandatangani kepada Setiausaha Dewan Negeri, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Negeri;

- (b) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah Fasal (5); atau
- (c) jika pada bila-bila masa, Dewan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan Dewan Negeri, maka Timbalan Yang Dipertua atau, jika Timbalan Yang Dipertua tidak hadir atau jika jawatannya kosong, seseorang ahli sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah peraturan Dewan Negeri, hendaklah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.

(4) Badan Perundangan Negeri hendaklah, dengan undang-undang, mengadakan peruntukan gaji bagi Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua.

(5) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada dia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang kelayakan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua di bawah Fasal (5) Dewan Negeri hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

### **Ahli-ahli mengangkat sumpah**

28. (1) Tiap-tiap ahli Dewan Negeri, sebelum menduduki kerusinya hendaklah mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangan di hadapan orang yang mengetuakan Dewan Negeri itu iaitu suatu

sumpah yang dibentangkan dalam Bahagian II Jadual Pertama, dan kepada sumpah itu hendaklah ditambah apa-apa perkataan yang mengikut kepercayaan agamanya akan mengikat perasaan hati orang yang bersumpah itu.

(2) Seseorang ahli sebelum mengangkat sumpah bolehlah mengambil bahagian dalam pemilihan Yang Dipertua.

(3) Jika seseorang ahli tiada menduduki kerusinya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh Dewan Negeri mula-mula bersidang selepas dia dipilih menjadi ahli atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang harus dibenarkan oleh Dewan Negeri, maka kerusinya adalah menjadi kosong.

### **Titah Diraja**

29. Raja Pemerintah bolehlah memberi titah ucapan kepada Dewan Negeri dan boleh menghantar perutusan-perutusan kepada Dewan Negeri.

### **Peraturan Dewan Negeri**

30. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan dan syarat-syarat Bahagian ini, Dewan Negeri hendaklah menyusun peraturannya sendiri dan berkuasa, dari satu masa ke satu masa, membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Negeri bagi mengaturkan tertib perjalanan mesyuaratnya sendiri dan perjalanan urusan mesyuaratnya.

(2) Dewan Negeri boleh menjalankan tugas walau pun ada kekosongan dalam bilangan ahli-ahlinya, dan tiadalah terbatal perjalanan apa-apa mesyuarat Dewan Negeri walau pun ada hadir atau mengambil bahagian dalam mesyuarat itu siapa-siapa yang tidak berhak hadir atau mengambil bahagian.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan Perkara 51, Dewan Negeri, jika tiada sebulat suara, hendaklah mengambil keputusan mengikut lebih suara ahli-ahli yang mengundi; dan orang yang mengetuakan mesyuarat itu sebagai pengerusi hendaklah mengundi bila-bila mustahak bagi mengelakkan bilangan undi yang bersamaan banyaknya, tetapi tiada boleh mengundi dalam hal-hal lain.



(4) Dalam menyusun peraturan mesyuaratnya, Dewan Negeri bolehlah mengadakan syarat, iaitu apa-apa keputusan mengenai penjalanan mesyuaratnya, tiadalah boleh diambil kecuali dengan suara lebih yang ditentukan dengan bilangan undi yang ditentukan.

(5) Ahli-ahli yang tiada hadir dalam persidangan Dewan Negeri tiada boleh dibenarkan mengundi.

### **Saraan ahli**

31. Badan Perundangan Negeri hendaklah, dengan undang-undang, mengadakan peruntukan bagi saraan ahli-ahli Dewan Negeri.

### **Mengisytiharkan Rang Undang-Undang**

32. Tiap-tiap Rang Undang-Undang, selain daripada Rang Undang-Undang Persendirian, hendaklah diisytiharkan dalam *Warta Kerajaan* bagi pengetahuan am sekurang-kurangnya empat belas hari terlebih dahulu daripada dikemukakan dalam Dewan Negeri, kecuali jika mustahak disegerakan sebagaimana yang diakui oleh Yang Dipertua Dewan Negeri dengan bertulis.

### **Rang Undang-Undang Persendirian**

33. Kecuali jika disyaratkan sebaliknya sesuatu undang-undang yang dibuat menurut Bahagian ini, iaitu yang bukan dibuat oleh Kerajaan, yang dimaksudkan mengenai atau mendatangkan faedah kepada seseorang yang tertentu atau kepada sesuatu persatuan atau perbadanan, mestilah jangan menyentuh hak-hak Raja Pemerintah dan bakal-bakal gantinya atau hak mana-mana badan siasah atau perbadanan atau hak siapa-siapa jua orang lain.

### **Menjalankan kuasa undang-undang**

34. (1) Kuasa Badan Perundangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-Undang yang diluluskan dalam Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Raja Pemerintah.

(2) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Dewan Negeri, maka hendaklah dipersembahkan Rang Undang-Undang itu kepada Raja Pemerintah bagi dipersetujukannya.

(3) Raja Pemerintah hendaklah menyatakan persetujuannya kepada sesuatu Rang Undang-Undang dengan memerintahkan supaya Mohor Negeri dicapkan pada Rang Undang-Undang itu, dan setelah menyatakan persetujuan Baginda kepada sesuatu Rang Undang-Undang, maka hendaklah Baginda memerintahkan supaya Rang Undang-Undang itu diisytiharkan sebagai satu undang-undang.

(4) Sesuatu Rang Undang-Undang akan menjadi undang-undang manakala dipersetujukan oleh Raja Pemerintah, tetapi sesuatu undang-undang tiada akan berjalan kuat kuasanya sehingga telah diisytiharkan, tetapi yang demikian itu tiadalah menyentuh kuasa Badan Perundangan menanggukkan perjalanan kuat kuasa sesuatu undang-undang atau membuat undang-undang yang berjalan kuat kuasa daripada tarikh kebelakangan.

**Sekatan mengemukakan Rang Undang-Undang dan mencadangkan pindaan yang membabitkan cukai, perbelanjaan dan lain-lain**

**35.** (1) Sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan yang mengadakan syarat bagi—

- (a) mengenakan atau menaikkan apa-apa cukai, menghapuskan, mengurangkan atau melepaskan daripada apa-apa cukai yang ada sekarang;
- (b) meminjam wang, atau memberi apa-apa jaminan, oleh Negeri, atau meminda undang-undang mengenai tanggungan-tanggungan kewangan Negeri;
- (c) menyimpan Kumpulan Wang Disatukan, mempertanggungkan sanggupan bayaran atas Kumpulan Wang Disatukan atau menghapuskan atau mengubah apa-apa tanggungan bayaran demikian itu;
- (d) bayaran wang ke dalam Kumpulan Wang Disatukan atau membayar, mengeluarkan atau menarik balik daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang tiada ditanggungkan ke atasnya atau menambah wang yang hendak dibayar atau dikeluarkan atau ditarik balik demikian itu;

- (e) menyelesaikan atau melepaskan apa-apa piutang Negeri;
- (f) memindah sesuatu cukai atau bayaran atau mengeluarkan sesuatu pemberian wang;
- (g) menerima wang untuk Kumpulan Wang Disatukan atau menyimpan wang itu atau mengeluarkannya,

tiada boleh dikemukakan dalam mesyuarat atau dicadangkan melainkan oleh seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan tiada akan disifatkan mengadakan syarat bagi apa-apa jua perkara disebutkan di atas jika Rang Undang-Undang atau pindaan itu hanya mengandungi syarat-syarat—

- (a) bagi mengenakan atau mengubah apa-apa denda wang atau lain-lain hukuman membayar wang atau bagi bayaran atau tuntutan bayaran lesen atau bayaran atau upah bagi apa-apa kerja yang telah dijalankan; atau
- (b) bagi mengenakan, mengubah atau mengatur apa-apa cukai atau bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan atau badan, bagi maksud-maksud tempatan.

### **Perkataan-perkataan yang memperundangkan**

36. Semua undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri hendaklah digelar "Enakmen" dan perkataan-perkataan yang memperundangkannya hendaklah "diperbuat undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang".

### **Cukup bilangan**

37. Tiada boleh dijalankan apa-apa urusan oleh Dewan Negeri kecuali urusan menangguhkan mesyuarat, jika ada bantahan daripada siapa-siapa ahli yang hadir bahawa bilangan ahli-ahli yang hadir itu kurang daripada lapan orang dengan tiada termasuk Yang Dipertua atau orang lain yang mengetuakan mesyuarat itu sebagai pengerusi.

### **Minit-minit mesyuarat**

38. Minit-minit mesyuarat hendaklah diadakan bagi semua perjalanan mesyuarat Dewan Negeri dan pada tiap-tiap mesyuarat Dewan Negeri, minit-minit mesyuarat yang lepas hendaklah

disahkan dengan dipinda atau tidak dipinda sebagaimana yang dikehendaki, sebelum meneruskan kepada urusan-urusan yang lain.

### **Keistimewaan-keistimewaan Dewan Negeri**

39. Dewan Negeri (bagi maksud-maksud Perkara ini, kalimah ini adalah termasuk pegawai-pegawai yang disebutkan dalam Perkara 11) hendaklah mempunyai keistimewaan-keistimewaan dan kuasa-kuasa seperti yang disebutkan dalam Jadual Ketiga.

### *Bab V – Kewangan*

#### **Cukai tiada boleh dikenakan melainkan dengan kebenaran undang-undang**

40. Sebarang cukai atau bayaran tiada boleh dikenakan oleh Negeri ini atau bagi maksud-maksud Negeri ini kecuali dengan atau menurut kuasa undang-undang.

#### **Perbelanjaan yang dipertanggungkan bayarannya ke atas Kumpulan Wang Disatukan**

41. (1) Hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan, sebagai tambahan kepada apa-apa pemberian, gaji atau lain-lain wang yang dipertanggungkan bayarannya demikian itu menurut apa-apa syarat lain dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri atau undang-undang Negeri, iaitu—

- (a) Peruntukan Diraja bagi Raja Pemerintah dan saraan yang Dipertua Dewan Negeri;
- (b) semua bayaran hutang yang kena dibayar oleh Negeri; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki bagi menjelaskan pembayaran berkenaan dengan apa-apa hukuman, keputusan atau hukuman bayar belanja yang dikenakan ke atas Negeri oleh mana-mana mahkamah atau badan pengadilan.

(2) Bagi maksud-maksud syarat ini, bayaran-bayaran hutang termasuklah faedah, wang simpanan yang diuntukkan kerana hendak membayar hutang kerajaan, pembayaran semula atau penyelesaian

hutang kerajaan dan semua perbelanjaan yang berkenaan dengan meminjam wang dengan cagaran Kumpulan Wang Disatukan dan belanja dan penebusan hutang yang berbangkit daripada pinjaman itu.

### **Penyata kewangan tahunan**

42. (1) Dengan tertakluk kepada Fasal (3), berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan, Raja Pemerintah hendaklah memerintahkan supaya dibentangkan di Dewan Negeri suatu penyata berkenaan dengan anggaran hasil dan perbelanjaan Negeri bagi tahun itu dan, kecuali jika Badan Perundangan Negeri mengadakan syarat lain bagi mana-mana tahun, maka keterangan itu hendaklah dibentangkan sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran-anggaran perbelanjaan itu hendaklah menerangkan dengan berasing-asing—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggungkan bayarannya kepada Kumpulan Wang Disatukan; dan
- (b) dengan tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang dikehendaki untuk tiap-tiap kepala perbelanjaan yang lain-lain yang dicadangkan akan dikenakan bayarannya daripada Kumpulan Wang Disatukan itu.

(3) Anggaran hasil-hasil yang akan dibentangkan dalam penyata itu tiada termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima dengan jalan Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil-hasil yang seperti itu berkenaan dengan agama Islam; dan jumlah wang yang akan dibentangkan menurut perenggan (b) Fasal (2) tiada termasuk—

- (a) jumlah wang yang diperoleh daripada apa-apa pinjaman oleh Negeri bagi maksud-maksud yang tertentu dan diuntukkan kerana maksud-maksud itu oleh undang-undang yang meluluskan pinjaman itu;
- (b) jumlah wang daripada apa-apa wang atau faedah daripada wang yang diterima oleh Negeri yang tertakluk kepada sesuatu amanah dan akan digunakan mengikut syarat-syarat amanah itu;

- (c) jumlah wang daripada apa-apa wang yang dipegang oleh Negeri yang telah diterima atau diuntukkan bagi apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh atau menurut undang-undang.

(4). Penyata yang disebutkan ini hendaklah menunjukkan juga, seberapa dapat, harta-harta dan tanggungan-tanggungan Negeri pada akhir tahun kewangan yang lalu dan telah genap setahun itu, cara bagaimana harta-harta itu diperbelanjakan atau disimpan, dan kepala-kepala am berkenaan dengan tanggungan-tanggungan yang belum diselesaikan lagi itu.

### **Rang Undang-Undang Perbekalan**

43. Kepala-kepala perbelanjaan yang hendak dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Disatukan tetapi tiada ditanggungkan bayarannya daripada Kumpulan Wang Disatukan, selain daripada jumlah wang yang disebutkan dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (3) Perkara 42 hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang yang akan dinamakan Rang Undang-Undang Perbekalan, dengan mensyaratkan supaya dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan sejumlah wang yang dikehendaki bagi menepati perbelanjaan itu dan peruntukan jumlah wang itu bagi maksud-maksud yang ditentukan di dalamnya.

### **Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan berlebihan**

44. Jika bagi mana-mana tahun kewangan didapati—

- (a) jumlah wang yang diuntukkan oleh Enakmen Perbekalan bagi sesuatu maksud itu tiada cukup atau dikehendaki lagi perbelanjaan untuk sesuatu maksud yang tiada diuntukkan wangnya dalam Enakmen Perbekalan; atau
- (b) apa-apa wang yang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud telah lebih daripada jumlah wang (jika ada) yang diuntukkan kerana maksud itu dalam Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran perbelanjaan tambahan yang menunjukkan jumlah wang dikehendaki atau telah dibelanjakan hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri dan kepala-kepala apa-apa perbelanjaan sedemikian itu hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

**Mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan**

45. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perkara ini yang tersebut di bawah ini, apa-apa wang tiada boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali jika wang itu—

- (a) ditanggungkan bayarannya daripada Kumpulan Wang Disatukan; atau
- (b) dibenarkan pengeluarannya oleh suatu Enakmen Perbekalan.

(2) Apa-apa wang tiada boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali dengan jalan sebagaimana yang disyaratkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Fasal (1) tiadalah dibenarkan kepada apa-apa jumlah wang seperti yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) Fasal (3) Perkara 42.

(4) Badan Perundangan Negeri bagi mana-mana tahun kewangan berkuasa boleh membenarkan, sebelum diluluskan Enakmen Perbekalan, perbelanjaan bagi sebahagian daripada satu tahun dan boleh membenarkan dikeluarkan apa-apa wang daripada Kumpulan Wang Disatukan yang dikehendaki bagi menepati perbelanjaan itu.

***Bab VI – Perkara Am*****Bahasa rasmi**

46. Bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri hendaklah bahasa Melayu:

Tetapi—

- (a) walau apa pun yang tersebut dalam Perkara ini, bahasa Inggeris bolehlah dipakai selama tempoh yang ditetapkan dan bagi maksud-maksud yang harus ditentukan pada masa ini oleh atau mengikut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) satu naskhah rasmi dalam bahasa Inggeris hendaklah diadakan bagi sesuatu apa yang dikehendaki dicetak atau dituliskan, dan bolehlah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**Simpanan yang diuntukkan bagi orang Melayu berkenaan dengan jawatan-jawatan, permit-permit dan lain-lain**

47. (1) Adalah menjadi tanggungjawab Raja Pemerintah memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi kaum-kaum lain menurut kehendak-kehendak Perkara ini.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat Perkara 6 Bahagian ini, Raja Pemerintah hendaklah menjalankan tugas-tugas Baginda menurut Bahagian ini dan menurut undang-undang Negeri sebagaimana yang mustahak bagi memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan memastikan supaya diadakan simpanan bagi orang Melayu sebagaimana yang munasabah pada timbangan Baginda mengenai jawatan dalam perkhidmatan awam Negeri ini dan biasiswa, dermasiswa dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan seperti itu atau kemudahan-kemudahan khas yang diberi atau disediakan oleh Kerajaan Negeri dan apabila sesuatu permit atau lesen bagi menjalankan perniagaan dikehendaki oleh undang-undang Negeri, maka, dengan tertakluk kepada kehendak-kehendak undang-undang itu dan kehendak-kehendak Perkara ini, keistimewaan pada permit-permit dan lesen-lesen itu hendaklah dijalankan.

(3) Bagi menunaikan kehendak Fasal (2) supaya pasti terjaminnya simpanan kepada orang Melayu akan jawatan dalam perkhidmatan awam dan biasiswa, dermasiswa dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas, Raja Pemerintah bolehlah mengeluarkan apa-apa jua arahan am yang dikehendaki bagi tujuan itu kepada sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang kuasanya meliputi orang dalam perkhidmatan awam Negeri, atau kepada mana-mana pihak berkuasa yang ditanggungkan dengan tanggungan memberi biasiswa, dermasiswa atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas demikian itu, dan Suruhanjaya atau pihak berkuasa itu hendaklah menyempurnakan kehendak arahan-arahan itu.

(4) Bagi menjalankan tugas-tugas Baginda di bawah Bahagian ini dan di bawah undang-undang Negeri menurut Fasal (1), (2) dan (3), Raja Pemerintah tiada boleh memberhentikan siapa-siapa jua daripada jawatan kerajaan yang sedia dipegang olehnya atau memberhentikan apa-apa biasiswa, dermasiswa atau lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan khas yang ada pada orang itu.



(5) Perkara ini tiada melemahkan kehendak-kehendak Perkara 48.

(6) Jika menurut undang-undang Negeri yang ada sekarang sesuatu permit atau lesen dikehendaki bagi menjalankan sesuatu perniagaan, maka Raja Pemerintah berkuasa menjalankan tugas-tugas Baginda di bawah undang-undang itu dengan apa-apa cara atau mengeluarkan apa-apa arahan am kepada mana-mana pihak berkuasa yang ditanggungkan di bawah undang-undang itu dengan tanggungan mengeluarkan apa-apa jua permit atau lesen sebagaimana yang boleh dikehendaki bagi memastikan simpanan lesen atau permit demikian itu bagi orang Melayu sebagaimana yang munasabah pada timbangan Baginda; dan pihak berkuasa itu hendaklah menyempurnakan kehendak arahan-arahan itu.

(7) Tidak ada apa-apa dalam Perkara ini yang boleh melucutkan atau memberi kuasa melucutkan siapa-siapa jua daripada apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen yang terhak kepadanya atau yang digunakan atau dipegang olehnya, atau memberi kuasa boleh menolak pembaharuan apa-apa permit atau lesen demikian itu kepada sesiapa, atau enggan memberi pada waris-waris, ganti-ganti atau wakil seseorang apa-apa permit atau lesen apabila permit atau lesen itu dijangka munasabah dibaharui atau diberi mengikut kebiasaannya.

(8) Walau apa pun yang tersebut dalam Bahagian ini, jika mengikut undang-undang Negeri, apa-apa permit atau lesen dikehendaki bagi menjalankan apa-apa perniagaan, maka undang-undang itu boleh mengadakan syarat menyimpan sebahagian daripada permit-permit atau lesen-lesen demikian itu bagi orang Melayu, tetapi undang-undang demikian, bagi maksud menjamin simpanan bagi orang Melayu tidak boleh—

- (a) melucutkan atau memberi kuasa melucutkan siapa-siapa jua daripada apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen yang terhak kepadanya atau yang digunakan atau dipegang olehnya; atau
- (b) memberi kuasa untuk menolak pembaharuan permit atau lesen demikian dengan nama orang itu atau untuk enggan memberi kepada waris-waris, ganti-ganti atau wakil seseorang apa-apa permit atau lesen apabila permit atau lesen itu, menurut syarat-syarat lain dalam undang-undang itu, dijangka munasabah dibaharui atau diberi

mengikut kebiasaannya, atau menahan siapa-siapa daripada memindahkan bersama-sama dengan perniagaannya apa-apa lesen yang boleh dipindahkan bagi menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika permit atau lesen itu dahulunya tidak dikehendaki bagi menjalankan perniagaan itu, memberi kuasa menolak pemberian permit atau lesen kepada seseorang bagi menjalankan apa-apa perniagaan yang sebelum berjalannya kuat kuasa undang-undang itu dia sebenarnya telah menjalankan perniagaan itu, atau memberi kuasa boleh menolak daripada pembaharuan kemudian daripada itu apa-apa permit atau lesen yang dipegang oleh seseorang, atau enggan memberi kepada waris-waris, ganti-ganti atau wakil-wakil orang demikian itu apa-apa permit atau lesen demikian bila permit atau lesen itu, menurut syarat-syarat lain dalam undang-undang itu, dijangka munasabah dibaharui atau diberi, mengikut kebiasaannya.

(9) Tidak ada apa-apa dalam Perkara ini yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri bagi menyekat perniagaan atau perdagangan semata-mata dengan tujuan hendak mengadakan simpanan-simpanan bagi orang Melayu.

### **Layanan yang sama kepada pekerja-pekerja Negeri**

48. Semua orang daripada apa bangsa pun dalam sama-sama peringkat dalam perkhidmatan Negeri, dengan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatannya, hendaklah dilayan dengan sama.

### **Mohor Negeri**

49. (1) Raja Pemerintah hendaklah menyimpan dan memakai suatu Mohor Kerajaan Pahang bagi memeteraikan segala perkara yang berkehendak dimeterai dengan Mohor itu.

(2) Mohor Negeri itu hendaklah mengandungi perkataan-perkataan yang bertulis "Cap Mohor Kerajaan Pahang".

### **Ikrar sebagai ganti sumpah**

50. Jika di bawah Bahagian ini seseorang itu dikehendaki mengangkat dan menandatangani suatu sumpah, maka jika dia

suka hendaklah dibenarkan dia menunaikan kehendak itu dengan membuat dan menandatangani suatu ikrar.

### **Pindaan kepada Bahagian ini**

**51.** (1) Kehendak-kehendak Bahagian ini bolehlah dipinda, dengan tertakluk kepada Fasal (2), dengan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujukan oleh Raja Pemerintah, tetapi tiada boleh dipinda dengan apa-apa jua jalan lain.

(2) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat sesuatu pindaan kepada Bahagian ini tiada boleh diluluskan oleh Dewan Negeri kecuali jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga dengan undi-undi tiada kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Dewan Negeri.

(3) Dalam Perkara ini "pindaan" termasuklah tambahan dan pemansuhan.

### **Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan**

**52.** (1) Dengan tiada mengurangkan apa-apa bidang kuasa Mahkamah Persekutuan, dalam perkara-perkara rayuan bicara atau perkara-perkara menimbangkan semula keputusan mahkamah lain, jika dalam apa-apa perbicaraan di hadapan mahkamah lain ada berbangkit soal berkenaan dengan tujuan apa-apa jua syarat dalam Bahagian ini, maka Mahkamah Persekutuan berkuasa, dengan permintaan salah satu pihak dalam perbicaraan itu, memberi ketetapan dalam soal itu dan memutuskan perkara itu atau menghantar balik kepada mahkamah satu lagi yang disebutkan tadi supaya diputuskan oleh mahkamah itu menurut ketetapan yang telah diberikan.

(2) Raja Pemerintah bolehlah menyampaikan apa-apa masalah kepada Mahkamah Persekutuan meminta pendapatnya berkenaan dengan tujuan apa-apa jua syarat dalam Bahagian ini yang telah berbangkit atau yang nampak kepada Baginda harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah memasyhurkan pendapatnya dalam mahkamah terbuka atas apa-apa jua masalah yang disampaikan kepadanya demikian itu.

**Tafsiran**

53. (1) Dalam Bahagian ini, kecuali jika kandungan ayatnya berkehendakkan pengertian lain, kalimah-kalimah yang tersebut di bawah ini adalah bermakna seperti yang ditetapkan maknanya di sini pada masing-masing kalimah itu, iaitu—

“Badan Perundangan” maknanya badan yang ada kuasa di bawah Bahagian ini membuat undang-undang bagi Negeri ini;

“Dewan Negeri” maknanya Dewan Negeri bagi Negeri ini;

“Kumpulan Wang Disatukan” maknanya Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri ini;

“mesyuarat” maknanya apa-apa persidangan atau persidangan-persidangan Dewan Negeri yang dimulakan apabila Dewan Negeri bermesyuarat mula-mula sekali selepas dipanggil mesyuarat pada bila-bila masa, dan tamat apabila Dewan Negeri ditangguhkan dengan tidak ditentukan tarikh mesyuarat akan datang atau pada masa setelah genap sesuatu penggal mesyuarat dengan tidak ditangguhkan;

“Negeri” maknanya Negeri Pahang;

“penggal” maknanya persidangan Dewan Negeri yang ditubuhkan menurut Bahagian ini yang dimulakan daripada apabila Dewan Negeri bermesyuarat mula-mula sekali setelah ditubuhkan demikian itu atau selepas diberhentikan atau dibubarkan pada bila-bila masa, dan tamat apabila Dewan Negeri diberhentikan atau dibubarkan dengan tidak diberhentikan;

“Perlembagaan Persekutuan” maknanya Perlembagaan bagi Persekutuan (dalam bahasa Inggeris the Constitution of the Federation).

(2) Kecuali jika kandungan ayatnya berkehendakkan maksud yang lain, apa-apa sebutan dalam Bahagian ini mengenai sesuatu Perkara atau Bab atau Jadual yang ditentukan adalah sebutan mengenai perkara atau Bab bagi, atau Jadual untuk, Bahagian ini; dan apa-apa sebutan mengenai sesuatu Fasal yang ditentukan, ialah sebutan mengenai Fasal dalam Perkara itu di mana ada sebutan itu.

(3) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang lalu dalam Perkara ini, Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipakai bagi mentafsirkan Bahagian ini sebagaimana yang dipakai bagi mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan.

(4) Kecuali jika tafsiran sesuatu perkataan atau kalimah itu ditentukan terang-terang dalam Bahagian ini atau jika kandungan ayatnya membawa kepada maksud yang lain, maka Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948, atau apa-apa jua Ordinan atau Akta Parlimen yang menggantikannya hendaklah dipakai untuk mentafsirkan Bahagian ini sebagaimana yang dipakai bagi mentafsirkan sebarang undang-undang bertulis.

### **Cetakan semula Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang**

**53A.** Pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang Negeri bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan persetujuan Raja Pemerintah, membenarkan pencetakan salinan Undang-Undang Tubuh ini, termasuk segala pindaan yang berkuat kuasa pada tarikh kebenaran itu; dan mana-mana salinan Undang-Undang Tubuh ini yang dicetak sedemikian hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai salinan yang benar dan betul bagi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

### **Teks sah**

**53B.** Jika Undang-Undang Tubuh ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Raja Pemerintah boleh menetapkan teks bahasa kebangsaan itu sebagai teks sah, dan selepas itu, jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks bahasa kebangsaan itu dengan teks bahasa Inggeris Undang-Undang Tubuh ini, teks bahasa kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris itu.

### **Hak kedaulatan Raja Pemerintah dipelihara**

**54.** Kecuali sebagaimana yang telah disebutkan dalam Bahagian ini, maka Bahagian ini tiada menyentuh hak-hak kedaulatan, kuasa-kuasa dan bidang kuasa Raja Pemerintah.

*Bab VII – Syarat-Syarat Peralihan*

**Syarat-syarat sementara berkenaan dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan**

55. (1) Selepas dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang lepas akhir sekali, maka Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah mengandungi Menteri Besar dan orang yang telah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dahulu sebelum dibubarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan tetapi siapa-siapa orang demikian itu tiada boleh terus memegang jawatan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selepas tarikh dipanggil bersidang Dewan Negeri yang pertama yang ditubuhkan di bawah Bahagian ini, kecuali jika dia seorang ahli Dewan Negeri itu.

(2) Sehingga sampai masanya Raja Pemerintah telah melantik seorang Menteri Besar dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut syarat-syarat Perkara 3 dan 4, maka Raja Pemerintah hendaklah seberapa dapatnya, hadir dan menyetujui semua mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagai pengerusi.

**Pemegang-pemegang yang ada sekarang bagi jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, akan terus memegang jawatan masing-masing**

56. Orang yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri pada masa sebelum berjalannya kuat kuasa Fasal (1) Perkara 11 akan terus memegang jawatan masing-masing itu seolah-olah dia telah dilantik di bawah Perkara 11.

*Bab VIII – Pembatalan*

**Pembatalan**

57. Bahagian Yang Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang telah diisytiharkan pada 1 haribulan Februari tahun 1948 sebagaimana yang telah dipinda dari satu masa ke satu masa, adalah dengan ini dibatalkan.

**JADUAL-JADUAL****JADUAL PERTAMA****BAHAGIAN I**

[Perkara 5]

*Sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan*

Bahawa saya,....., yang telah dipilih dan diterima sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya, dengan seberapa daya dan upaya, pada setiap masa, bila-bila dikehendaki, akan memberi nasihat dan fikiran saya berterus terang kepada Duli Yang Maha Mulia bagi kesempurnaan urusan hal ehwal Negeri; dan bahawa saya, sama ada berterus terang atau berselindung, tidak akan menyampaikan atau memberitahu kepada siapa-siapa apa-apa perkara yang akan dibawa ke bawah pertimbangan saya atau yang akan dapat diketahui oleh saya sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan kecuali sebagaimana yang dikehendaki bagi menunaikan betul-betul kewajipan-kewajipan saya sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan atau sebagaimana yang harus dibenarkan dengan khas oleh Duli Yang Maha Mulia.

**BAHAGIAN II**

[Perkara 28]

*Sumpah Ahli Dewan Negeri*

Bahawa saya,....., yang telah dipilih menjadi seorang ahli Dewan Negeri, dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai ahli Dewan Negeri dengan seberapa daya upaya saya, dan saya akan benar-benar taat dan setia kepada Negeri Pahang dan akan memelihara, memperlindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

**JADUAL KEDUA**

[Perkara 11]

Bahawa saya,....., dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) iaitu saya, sama ada dengan berterus terang atau berselindung, tidak akan menyampaikan atau memberitahu kepada siapa-siapa apa-apa jua perkara yang akan dibawa ke bawah pertimbangan saya atau yang akan dapat diketahui oleh saya menurut hak-hak yang diberi kepada saya oleh Perkara 11 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang kecuali sebagaimana yang dikehendaki bagi menunaikan betul-betul kewajipan-kewajipan saya menurut Perkara itu atau sebagaimana yang harus dibenarkan dengan khas oleh Duli Yang Maha Mulia.

**JADUAL KETIGA**

[Perkara 39]

**KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN KUASA-KUASA**

**Tafsiran**

1. Dalam Jadual ini, kecuali jika kandungan ayatnya berkehendakkan pengertian lain—

“ahli” maknanya ahli Dewan Negeri;

“Dewan” maknanya Dewan Negeri;

“jurnal” maknanya minit-minit Dewan Negeri atau rekod rasmi perjalanan mesyuarat Dewan Negeri;

“pegawai Dewan Negeri” dan “pegawai” maknanya Setiausaha Dewan Negeri dan siapa-siapa yang dinyatakan oleh Yang Dipertua Dewan Negeri sebagai pegawai Dewan Negeri;

“peraturan mesyuarat” maknanya Peraturan Mesyuarat Dewan Negeri yang berjalan kuat kuasanya pada masa ini.

**Kebebasan memberi ucapan dan berbahas**

2. Hendaklah ada kebebasan dalam ucapan dan perbahasan atau penjalanan mesyuarat dalam Dewan Negeri dan kebebasan dalam ucapan dan perbahasan atau perjalanan mesyuarat demikian itu tiada boleh didakwa atau disoal dalam mana-mana mahkamah atau majlis keadilan di luar daripada Dewan Negeri.

**Kebebasan ahli-ahli daripada perbicaraan sivil atau jenayah kerana apa-apa yang dilakukannya atau dicakapkannya dalam Dewan Negeri**

3. Siapa-siapa jua ahli tiada boleh dikenakan perbicaraan sama ada perbicaraan sivil atau jenayah, tiada boleh ditangkap atau dipenjara atau dituntut ganti malu dengan kerana apa-apa atau benda yang barangkali telah dibawanya dengan rayuan, Rang Undang-Undang, ketetapan, usul atau lain-lainnya, atau telah diucapkannya dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa.

**Kuasa Dewan Negeri memerintahkan saksi-saksi hadir dan mengeluarkan surat-surat**

4. Dewan Negeri dan apa-apa jawatankuasa yang diberi kuasa oleh perintah Dewan Negeri bagi memanggil orang, dan menyuruh dikeluarkan surat-surat atau kertas-kertas, dengan tertakluk kepada syarat-syarat perenggan 7 dan 8, berkuasa boleh memerintahkan siapa-siapa orang mesti hadir dalam Dewan Negeri atau di hadapan jawatankuasa demikian itu dan memberi keterangan atau mengeluarkan apa-apa kertas, buku, rekod, atau surat yang dalam milik atau jagaan orang itu.



**Kehadiran hendaklah diberitahu dengan surat panggilan**

5. Apa-apa perintah menyuruh hadir, menyuruh memberi keterangan atau menyuruh mengeluarkan surat-surat di hadapan Dewan Negeri atau di hadapan apa-apa jawatankuasa hendaklah diberitahu kepada orang yang dikehendaki hadir atau dikehendaki mengeluarkan surat-surat itu, dengan suatu surat panggilan yang ditandatangani oleh Setiausaha Dewan Negeri dikeluarkan dengan arahan Yang Dipertua Dewan Negeri; dan dalam tiap-tiap surat panggilan demikian itu hendaklah disebutkan waktunya dan tempatnya orang yang dipanggil itu dikehendaki hadir dan apa-apa surat yang dia dikehendaki mengeluarkan, dan surat panggilan itu hendaklah disampaikan kepada orang yang disebutkan dalam surat itu, sama ada dengan memberikan kepadanya surat panggilan itu atau dengan meninggalkan salinan surat itu di tempat tinggalnya yang biasa atau di tempat kediamannya yang diketahui akhir sekali dalam Negeri ini, pada siapa-siapa orang dewasa, dan hendaklah dibayar atau ditawarkan bayaran kepada orang yang dipanggil demikian itu jika dia tiada tinggal dalam lingkungan enam batu daripada Dewan Negeri, apa-apa bayaran bagi belanjanya sebagaimana yang harus ditetapkan dalam apa-apa peraturan mesyuarat kerana itu.

**Menyoal saksi setelah dia mengangkat sumpah**

6. Dewan Negeri atau apa-apa jawatankuasa boleh menghendaki iaitu apa-apa nyataan, perkara, dan benda-benda yang bersangkutan dengan perkara yang disiasat dalam Dewan Negeri atau dalam jawatankuasa demikian itu, disemak atau dipastikan dengan menyoal saksi-saksi itu dan boleh memerintahkan supaya saksi-saksi itu disoal setelah mengangkat sumpah yang boleh disaksikan oleh Yang Dipertua atau pengerusi jawatankuasa itu atau orang yang khas diangkat kerana itu.

**Dikecualikan daripada menjawab pertanyaan-pertanyaan atau mengeluarkan surat-surat**

7. Jika siapa-siapa yang diperintahkan suruh hadir, suruh memberi keterangan atau mengeluarkan apa-apa kertas, buku, rekod atau surat dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa, enggan menjawab apa-apa pertanyaan yang harus dihadapkan kepadanya atau enggan mengeluarkan apa-apa kertas, buku, rekod atau surat itu dengan alasan bahawa barang-barang itu barang kegunaan sendiri dan tidak kena mengena dengan perkara yang disiasat itu, maka Yang Dipertua atau pengerusi jawatankuasa itu (mengikut mana-mana yang berkenaan) berkuasa boleh melaporkan hal keengganan itu dengan diterangkan sebab-sebabnya, dan setelah itu Dewan Negeri bolehlah memaafkan saksi itu daripada menjawab pertanyaan-pertanyaan demikian atau daripada mengeluarkan kertas, buku, rekod atau surat demikian atau boleh memerintahkan suruh jawab atau suruh keluaran barang-barang itu.

**Keistimewaan saksi-saksi**

8. (1) Tiap-tiap orang yang diperintahkan suruh hadir, suruh beri keterangan atau mengeluarkan apa-apa kertas, buku, rekod atau surat dalam Dewan

Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa adalah berhak mendapat hak atau keistimewaan seperti dalam mahkamah mengenai keterangan atau apa-apa hal yang disampaikan kepadanya atau apa-apa kertas, rekod atau surat yang dikeluarkannya itu.

(2) Seseorang pegawai awam tiada boleh—

- (a) mengeluarkan apa-apa kertas, buku, rekod atau surat demikian itu dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa; atau
- (b) memberi keterangan atas apa-apa perkara demikian itu kepada Dewan Negeri atau kepada apa-apa jawatankuasa,

iaitu berkenaan dengan surat-surat Jabatan Tentera Laut, Tentera Darat atau jabatan awam atau berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai perkhidmatan awam, melainkan dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong dalam perkara Jabatan Tentera Laut, Tentera Darat atau Tentera Udara atau Jabatan Kerajaan Persekutuan, atau dengan persetujuan Menteri Besar bagi jabatan Kerajaan Negeri; demikian juga keterangan salinan (*secondary evidence*) tiada boleh diterima atau dikeluarkan dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa berkenaan dengan apa-apa kertas, buku, rekod atau surat demikian itu.

**Surat perakuan daripada Yang Dipertua bahawa seseorang saksi telah menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dihadapkannya oleh Dewan**

9. Tiap-tiap saksi yang dipanggil ke hadapan Dewan Negeri atau ke hadapan apa-apa jawatankuasa yang menjawab secukup-cukup dan berterus terang apa-apa pertanyaan yang dihadapkannya oleh Dewan Negeri atau jawatankuasa demikian, dengan memberi puas hati Dewan Negeri atau jawatankuasa itu, akan berhak mendapat suatu surat perakuan yang ditandatangani oleh Yang Dipertua Dewan Negeri atau oleh pengerusi jawatankuasa itu mengatakan iaitu saksi itu, bila ditanya, telah dikehendaki menjawab apa yang ditanya dan telah pun menjawab pertanyaan-pertanyaan demikian itu.

**Larangan memberi keterangan di luar Dewan daripada apa-apa keterangan yang telah diberi dalam Dewan dengan tiada mendapat izin daripada Dewan**

10. Seseorang ahli atau pegawai Dewan Negeri atau seseorang penulis trengkas yang bekerja menuliskan minit keterangan dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa, tiada boleh memberi keterangan di tempat-tempat lain berkenaan dengan isi keterangan demikian itu atau isi apa-apa naskhah atau surat yang dibentangkan dalam Dewan Negeri atau dalam apa-apa jawatankuasa atau berkenaan dengan apa-apa perjalanan atau pemeriksaan dalam Majlis Parlimen baik Dewan Rakyat atau Dewan Negara atau dalam apa-apa jawatankuasa dengan tiada mendapat izin khas daripada Dewan Negeri terlebih dahulu. Izin khas demikian bolehlah diberi oleh Yang Dipertua Dewan Negeri selepas dibubarkan Dewan Negeri atau semasa Dewan Negeri dalam kelepasan atau dalam tangguhan; dan jika Yang Dipertua tidak ada atau tiada dapat memberi izin itu, maka bolehlah diberi oleh Setiausaha Dewan Negeri.

**Jurnal Dewan boleh diterima jadi keterangan**

11. Apabila diadakan apa-apa siasatan mengenai keistimewaan, kebebasan dan kuasa-kuasa Dewan Negeri atau siapa-siapa ahli, apa-apa jurnal yang dicap atau dimaksudkan dicap oleh Pencetak Kerajaan atau dengan, atau menurut, kebenaran Dewan Negeri, hendaklah diterima sebagai keterangan jurnal demikian itu dalam semua mahkamah dan tempat dengan tidak berkehendakkan diberi apa-apa keterangan bahawa jurnal demikian itu telah dicap dengan jalan demikian itu.

**Surat perakuan daripada Yang Dipertua mempertahankan diri dalam perbicaraan-perbicaraan**

12. Siapa jua yang kena dakwa dalam apa-apa pendakwaan sivil atau perbicaraan jenayah yang diadakan kerana atau dengan sebab-sebab atau berkenaan dengan penerbitan penyata-penyata, kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat yang dikeluarkan oleh yang kena dakwa itu atau oleh orang gajinya dengan perintah atau kebenaran Dewan Negeri, maka yang kena dakwa itu, setelah memberi kenyataan dua puluh empat jam dengan surat kepada yang mendakwa bolehlah dia membawa ke dalam mahkamah yang diadakan pendakwaan atau perbicaraan demikian itu, suatu surat perakuan yang ditandatangani oleh Yang Dipertua atau Setiausaha Dewan Negeri mengatakan iaitu penyata, kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat yang membangkitkan pendakwaan atau perbicaraan itu, telah diterbitkan oleh yang kena dakwa itu atau oleh orang gajinya dengan perintah atau kebenaran Dewan Negeri atau apa-apa jawatankuasa, bersama-sama dengan suatu surat sumpah mengesahkan surat perakuan itu, dan setelah itu mahkamah demikian hendaklah dengan serta-merta menghentikan pendakwaan atau perbicaraan itu dan pendakwaan tiap-tiap surat bicara yang telah dikeluarkan adalah disifatkan keputusan muktamad.

**Penerbitan berkebebasan**

13. Dalam apa-apa pendakwaan sivil atau perbicaraan jenayah yang dijalankan kerana menerbitkan apa-apa cabutan atau ringkasan daripada apa-apa penyata, kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan yang lepas, jika mahkamah atau juri (mengikut mana-mana yang berkenaan) puas hati iaitu cabutan atau ringkasan itu telah diterbitkan dengan tulus ikhlas dan tidak dengan niat jahat, maka Mahkamah atau juri hendaklah memberi keputusan memenangkan yang kena dakwa atau yang kena tuduh.

**Yang Dipertua terus menjadi Yang Dipertua walaupun Dewan telah dibubar atau diberhentikan**

14. Bagi maksud Jadual ini, orang yang memegang jawatan Yang Dipertua Dewan Negeri pada masa Dewan Negeri berjalan atau pada masa diberhentikan atau dibubarkan hendaklah disifatkan jadi Yang Dipertua Dewan Negeri sehingga Dewan Negeri dipanggil bersidang semula atau sehingga orang lain dilantik menjadi Yang Dipertua menurut syarat-syarat Bahagian ini, yang mana dahulu di antara dua itu.

### **Pengesahan**

*Amin.* Demikianlah Bahagian Pertama dan Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

### **Ketetapan**

Barang dirahmati Allah *Subhanahu Wataala, Malikul-Muluk*, dan diberkati Nabi Muhammad, *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* akan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, kekal *karar* selama-lamanya. *Amin! Ya Rabbal 'A-lamin.*

Diperbuat di Istana Beta di Pekan, pada sembilan haribulan *Syawal, Hijrah Annabi Sallallahu 'Alaihi Wassalam*, Seribu tiga ratus tujuh puluh lapan, bersamaan dengan tujuh belas haribulan April seribu sembilan ratus lima puluh sembilan daripada tarikh Masihi, iaitu tahun yang kedua puluh tujuh Beta di atas Takhta Kerajaan.

---

## UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

### UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

#### SENARAI PINDAAN

#### BAHAGIAN I

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
W.K. Phg. No. 487/1974	Pemasyhuran (Pindaan) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1974	07-05-1974
W.K. Phg. No. 57/1978	Pemasyhuran (Pindaan) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1977	01-01-1977
W.K. Phg. No. 307/1982	Pemasyhuran (Pindaan) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1982	01-07-1981
W.K. Phg. No. 42/1983	Pemasyhuran (Pindaan) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1982	21-01-1983
Phg. P.U. 30/1992	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1992	01-10-1992
Phg. P.U. 85/2000	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 2000	24-11-2000
Phg. P.U. 37/2002	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 2002	01-10-2002
Phg. P.U. 3/2008	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 2007	13-11-2007
Phg. P.U. 15/2008	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 2008	16-01-2008
Phg. P.U. 19/2009	Pemasyhuran Pindaan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 2009	17-06-2009

#### BAHAGIAN II

En. No. 6/1962	Enakmen (Pindaan) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1962	14-09-1962
----------------	---	------------

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
En. No. 14/1963	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1963	31-12-1963
En. No. 18/1971	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang 1971	S.3, 23-01-1964; S.2, 18-11-1968
En. No. 8/1973	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) 1973	31-07-1974
En. No. 3/1983	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) 1983	16-12-1983
En. No. 5/1990	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1990	21-12-1990
En. No. 6/1992	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1992	20-11-1992
En. No. 3/1993	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) (Pindaan) 1993	20-11-1992
En. No. 7/1993	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1993	26-11-1993
En. No. 2/1994	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1994	10-06-1994
En. No. 3/1994	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) (No. 2) 1994	30-09-1994
En. No. 3/1995	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1995	29-09-1995
En. No. 2/2003	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 2003	19-09-2003
En. A4	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 2006	18-08-2006

---

## UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

### UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

#### SENARAI PERKARA YANG DIPINDA

#### BAHAGIAN I

Perkara	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
4	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
5	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
12A	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
20A	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
24	W.K. Phg. No. 307/1982	01-07-1981
24A	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
25	W.K. Phg. No. 487/1974 W.K. Phg. No. 57/1978	07-05-1974 01-01-1977
27	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
27A	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
29	W.K. Phg. No. 487/1974 Phg. P.U. No. 85/2000	07-05-1974 24-11-2000
30	Phg. P.U. 85/2000	24-11-2000
30A	W.K. Phg. No. 487/1974	07-05-1974
31	Phg. P.U. 85/2000	24-11-2000
36	W.K. Phg. No. 487/1974 W.K. Phg. No. 57/1978 W.K. Phg. No. 42/1983 Phg. P.U. 30/1992	07-05-1974 01-01-1977 21-01-1983 01-10-1992
Jadual	W.K. Phg. No. 487/1974 W.K. Phg. No. 307/1982 W.K. Phg. No. 42/1983 Phg. P.U. 30/1992 Phg. P.U. 37/2002	07-05-1974 01-07-1982 21-01-1983 01-10-1992 01-10-2002

## BAHAGIAN II

Perkara	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
4	En. No. 3/1995	29-09-1995
6	En. No. 7/1993	26-11-1993
10	En. No. 7/1993	26-11-1993
11	En. No. 7/1993	26-11-1993
12	En. No. 7/1993	26-11-1993
13	En. No. 7/1993	26-11-1993
14	En. No. 7/1993	26-11-1993
15	En. No. 7/1993	26-11-1993
18	En. No. 8/1973 En. No. 3/1983 En. No. 6/1992 En. No. 2/2003	31-07-1974 16-12-1983 20-11-1992 19-09-2003
20	En. No. 6/1962 En. No. 3/1983 En. No. 5/1990	14-09-1962 16-12-1983 21-12-1990
25	En. No. 3/1983	16-12-1983
26	En. No. 18/1971 En. No. 2/1994	18-11-1968 10-06-1994
27	En. No. 3/1983 En. No. 3/1994 En. No. 3/1995	16-12-1983 30-09-1994 29-09-1995
42	En. No. 14/1963	31-12-1963
45	En. No. 18/1971	23-01-1964
53A	En. A4	18-08-2006
53B	En. A4	18-08-2006

---